

## BAB IV

### SEJARAH DAN PELAKSANAAN PENDIDIKAN REMAJA DI MA'HAD ATTARBIYAH AL-ISLAMIYAH (MATRI)

#### 4.0 Pengenalan

Dalam bab ini penulis membincangkan tentang sejarah dan pelaksanaan pendidikan di Ma'had Attarbiyah Al-Islāmiyah, Beseri, Perlis (MATRI). Seperti yang penulis jelaskan dalam bab pertama, perbincangan tentang pendidikan di MATRI adalah ditumpukan kepada pendidikan untuk membina sahsiah remaja muslim. Oleh itu, dalam kajian ini penulis tidak memasukkan pelaksanaan pendidikan akademik. Perkataan “pendidikan” yang digunakan dalam kajian ini adalah dimaksudkan kepada pendidikan pembinaan sahsiah muslim atau tarbiah, bukannya pendidikan akademik.<sup>1</sup>

#### 4.1 Skop perbincangan

Dalam membincangkan laporan kajian ini, penulis membahagikan kepada dua bahagian, iaitu sejarah pendidikan dan pelaksanaan pendidikan di MATRI:

---

<sup>1</sup> Istilah tarbiah digunakan di MATRI untuk maksud pendidikan bagi pembinaan sahsiah atau keperibadian Muslim

#### **4.1.1 Sejarah pendidikan di MATRI**

Sub tajuk ini merangkumi sejarah ringkas penubuhan MATRI dan perkembangan pendidikan di MATRI. Aspek sejarah ini perlu diberi perhatian kerana sejarah bukan sekadar catatan peristiwa masa silam, tetapi ia mengandungi pengalaman yang boleh dijadikan iktibar. Mengetahui sejarah penubuhan dan sejarah pendidikan di MATRI akan dapat menjelaskan lagi tentang falsafah dan proses pelaksanaan pendidikan di MATRI.

Sejarah penubuhan dan sejarah pendidikan MATRI merupakan sejarah pendidikan remaja di sekolah tersebut kerana semua pelajar MATRI adalah dalam lingkungan umur remaja iaitu dari umur 13 tahun (tingkatan satu) hingga 19 tahun (Marhalah Khassah II).

#### **4.1.2 Pelaksanaan Pendidikan di MATRI**

Dalam sub tajuk ini penulis membincangkan tentang faktor-faktor yang menggalakkan pelaksanaan pendidikan, tenaga penggerak, *manhaj* pendidikan, asas-asas utama pendidikan, program-program pendidikan yang dilaksanakan, hubungan sekolah dengan ibu bapa (rumah), kesan-kesan pendidikan dan analisa pelaksanaan pendidikan di MATRI

## **4.2 Sejarah Pendidikan di MATRI**

### **4.2.1 Sejarah ringkas penubuhan MATRI**

Sejak sekian lama Sekolah Agama Rakyat telah memainkan peranan penting dalam perkembangan kesedaran Islam di Malaysia. Masyarakat Islam yang sedar akan keperluan pendidikan Islam dalam enviromen yang lebih terkawal dan Islamik telah menubuhkan Sekolah-sekolah Agama Rakyat sebagai alternatif kepada kekurangan yang ada di Sekolah-sekolah Kebangsaan dan Sekolah-sekolah Inggeris. Demikianlah juga MATRI, ia diwujudkan sebagai memenuhi aspirasi pengasasnya dan keperluan masyarakat Islam khasnya di Perlis.

#### **i. Proses Awal Ke arah Penubuhan MATRI**

Sejarah pendidikan di MATRI boleh disusur galurkan 12 tahun sebelum penubuhannya. Proses awalnya bermula pada tahun 1975 melalui kelas pengajian yang diadakan di Surau Tanjung Gorah,<sup>2</sup> Repoh, Perlis. Kelas pengajian tersebut diadakan pada hari Jumaat pukul 3.30 petang dan dikendalikan oleh Tuan Haji Ustaz Dahlan bin Mohd. Zain,<sup>3</sup> pengasas dan Mudir MATRI sekarang. Ia diisi dengan pengajian Tafsir, Hadith dan Sirah.

<sup>2</sup> Surau ini masih wujud hingga kini, terletak berhampiran Jalan Besar Arau-Kangar, kira-kira tiga kilometer dari Bandar Kangar.

<sup>3</sup> Beliau adalah lulusan Sarjana Muda Sastera dalam bidang Syariah dan Bahasa Arab dari Universiti Baghdad. Sekembali dari Baghdad beliau bertugas sebagai guru agama di Lembaga Letrik Negara (sekarang Tenaga Nasional) di Kuala Lumpur. Setelah itu beliau kembali ke Perlis dan bertugas sebagai guru di Sekolah Menengah Agama 'Alawiyah, Arau, Perlis (sekarang Madrasah al-'Alawiyah al-Diniyyah)

Oleh sebab institusi pendidikan Islam bersifat rakyat maka ia perlu kepada penyediaan tenaga sukarela yang terancang untuk menjayakan institusi pendidikan tersebut. Murid-murid Tuan Haji Dahlam yang mengikuti pengajian tersebut kemudiannya menjadi tenaga sukarela yang membantu beliau membangunkan MATRI.<sup>4</sup>

## ii. Penubuhan MATRI

Menyedari hakikat bahawa pendidikan atau tarbiah itu perlu dilaksanakan dalam sebuah institusi maka idea tersebut telah dikembangkan oleh Tuan Haji Ustaz Dahlam bin Mohd. Zain di kalangan murid-muridnya sejak beliau mengajar di Surau Tanjung Gorah lagi. Idea itu telah direalisasikan dengan sempurnanya penubuhan MATRI pada 3 Dhū al-Hijjah 1407 H. bersamaan 29 Julai 1987 M.<sup>5</sup> di atas sebidang tanah seluas 16.5 ekar (22 relung) di Perkampungan Tunjung, Mukim Beseri, Perlis.

<sup>4</sup> Temubual dengan Tuan Haji Ustaz Dahlam bin Mohd Zain, pengasas dan Mudir MATRI pada 25 Oktober 2002, jam 8.30 pagi, *op.cit.*

<sup>5</sup> "Buku Panduan Ma'had Attarbiyah Al-Islamiyah (MATRI) Perkampungan Tunjung, 02400 Beseri, Perlis", Percetakan Siaran Sdn. Bhd., Alor Setar, t.t., h.1. Terdapat beberapa versi tarikh Penubuhan MATRI. Sebagai contohnya, selain daripada Buku Panduan MATRI di atas, "Buku Cenderamata Ekspo MATRI" kali pertama, kedua dan ketiga serta "Planner 2002 Yayasan MATRI" pada kulit belakangnya menyatakan tarikh yang sama. Manakalah "Buku Cenderamata Ekspo MATRI Keempat" menyatakan 7 Dhū al-Hijjah 1407 bersamaan 2 Ogos 1987, "Buku Cenderamata Ekspo MATRI tahun 2002" menyatakan 17 Dhū al-Hijjah bersamaan 20 Ogos 1987 dan "Majalah MATRI 2001", h.13 menyebut 17 Ogos 1987. Penulis telah mengesahkan tarikh 3 Dhū al-Hijjah 1407 sebagai tarikh yang betul dengan Tuan Haji Dahlam pada 11 September 2003 di pejabat beliau pada pukul 11.00 pagi. Beliau menyebut bahawa pelajar-pelajar sulung MATRI mendaftar satu minggu sebelum Hari Raya Haji dan mereka menyambut Hari Raya Haji di MATRI pada tahun tersebut. Penulis juga mengesahkan bahawa tarikh 3 Dhū al-Hijjah 1407 adalah bersamaan dengan 29 Julai 1987. Pengesahan ini dibuat oleh En Idris bin Abd Manaf, Guru Penasihat Kelab Astronomi, Maktab Rendah Sains Mara, Beseri, Perlis melalui perhubungan telefon dengan beliau pada 11 September 2003 pada pukul 5.00 petang dan 6.00 petang.

Bangunan pertama atau lebih dikenali sebagai ‘surau’ telah dibina menggunakan sumber kewangan yang diperolehi daripada sumbangan derma atau lebih dekenali sebagai *infāq* daripada murid-murid Tuan Haji Dahlan dan mereka yang bersimpati. Sebahagian besar daripada kerja-kerja pembangunannya yang bermula daripada pemugaran tanah hingga kepada pembinaannya dibuat melalui gotong royong<sup>6</sup> oleh anak-anak murid Tuan Haji Dahlan. Sumbangan derma dan kerja-kerja gotong-royong itu adalah dianggap sebagai sebahagian daripada pengorbanan atau *tadbiyyah* dan jihad ke arah memartabatkan pendidikan Islam atau *tarbiyyah Islāmiyyah*. Tanah ini adalah hak milik bersama penghuni Perkampungan Tunjung yang dikelolakan oleh satu jawatankuasa yang diamanahkan. Generasi pelajar pertama terdiri daripada 17 orang pelajar Marhalah Khassah (menyamai tingkatan enam atau pra-universiti)<sup>7</sup> iaitu lapan orang pelajar putera<sup>8</sup> dan sembilan pelajar puteri.<sup>9</sup>

Sebagai mengenang jasa murid-murid Haji Dahlan yang telah berkorban dalam proses pembinaan MATRI di sini disebutkan nama murid-murid beliau yang telah

<sup>6</sup> Kawasan ini pada asalnya adalah kebun getah.

<sup>7</sup> Pengajiannya dijalankan sepenuhnya dalam bahasa Arab kecuali bagi subjek Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris sebagai persediaan bagi memasuki universiti Timur Tengah dan mengambil peperiksaan Syahadah MATRI. Di samping itu sebahagian pelajar generasi awal juga mengambil peperiksaan STPM dan kelas-kelas tambahan STPM diadakan pada waktu malam yang diajar oleh beberapa orang guru sekolah kerajaan secara sukarela. Penulis pernah mengajar subjek Sejarah 6 (Sejarah Islam) pada tahun 1990. Kini pelajar marhalah Khassah mengambil peperiksaan STAM dan Syahadah MATRI.

<sup>8</sup> Di MATRI, pelajar lelaki disebut sebagai pelajar putera dan pelajar perempuan sebagai pelajar puteri.

<sup>9</sup> “Buku Cenderamata Ekspos Pendidikan MATRI keempat pada 21-23 Mei 1997”, h. 5-6

kembali ke rahmatullah. Mereka ia Ustaz Ahmad bin Rejab<sup>10</sup>, Tuan Syed Bakar bin Syed Mohamad<sup>11</sup>, Puan Wan Rosalind bin Wan Ahmad atau lebih dikenali dengan panggilan Mak Wan Ros<sup>12</sup>, Cikgu Ismail bin Kassim<sup>13</sup>, En.Salleh bin Ahmad atau lebih dikenali di kalangan guru-guru MATRI sebagai Bang Leh atau Pak Leh<sup>14</sup> di kalangan para pelajar dan Cikgu Tajul Rahim bin Ibrahim<sup>15</sup>.

Bangunan MATRI pada peringkat awal hanya terdiri daripada sebuah blok yang lebih dikenali sebagai ‘surau’ yang menempatkan kelas pengajaran dan pembelajaran, perpustakaan, pejabat sekolah, bilik guru, bilik air, tempat wuduk dan bilik tadika.<sup>16</sup> Terdapat ruang terbuka untuk kuliah<sup>17</sup> atau lebih dikenali sebagai ‘lobi MATRI’ di bahagian bawah blok surau manakala di bahagian atasnya ialah

<sup>10</sup> Murid dan sahabat Tuan Haji Dahlan. Beliau adalah seorang guru agama dan kerap menjadi penceramah dalam kursus-kursus kefahaman Islam yang diadakan oleh Tuan Haji Dahlan kepada murid-muridnya.

<sup>11</sup> Beliau adalah seorang guru dan merupakan orang yang memperkenalkan penulis kepada kelas pengajaran Tuan Haji Dahlan di Tanjung Gorah pada hujung tahun 1978.

<sup>12</sup> Beliau adalah emak kepada En.Mohd. Abdur bin Zainal Abidin, Penolong Kanan Pentadbiran MATRI. Beliau merupakan anak kepada Dato'Wan Ahmad, seorang tokoh yang terkenal di Perlis pada awal tahun kurun ke-20. Nama Sekolah Rendah Dato' Wan Ahmad di Kangar, Perlis adalah mengambil sempena nama ayahanda beliau.

<sup>13</sup> Beliau juga seorang guru. Suatu perkara yang istimewa tentang beliau ialah, beliau gemar membuat rakaman (menggunakan radio kaset) kuliah-kuliah yang disampaikan oleh Tuan Haji Dahlan di surau Tanjung Gorah.

<sup>14</sup> Beliau banyak menjalankan kerja-kerja membina bangunan di MATRI. Beliau kembali ke rahmatullah pada tahun 2002.

<sup>15</sup> Beliau juga seorang guru dan akhir sekali bertugas di Unit Hal Ehwal Murid di Jabatan Pendidikan Negeri Perlis dan merupakan Pengurus PIBG MATRI. Beliau kembali ke rahmatullah pada awal tahun 2003.

<sup>16</sup> Tadika ini dikenali sebagai Taski MATRI, untuk menampung keperluan pembelajaran anak guru-guru MATRI dan anak-anak yang tinggal di sekitar MATRI. Kini tadika tersebut ditukar namanya kepada Taski Ummu Aiman untuk keperluan pendaftaran kerana pihak pendaftar tidak menerima nama ‘Taski MATRI’ dan mempunyai bangunannya sendiri kira-kira 50 meter daripada blok surau • MATRI.

<sup>17</sup> Lobi ini boleh memuatkan kira-kira 80 buah kerusi dan digunakan untuk taklimat guru, kursus-kursus untuk pelajar dan kelas fardhu ain untuk ahli-ahli PIBG

ruang solat untuk lelaki dan wanita.<sup>18</sup> Sekarang bilik guru telah dipindahkan ke blok akademik kerana ruang tidak cukup untuk menampung bilangan guru yang bertambah. Sebuah bilik mesyuarat telah diwujudkan di bahagian bawah dan sebuah kelas untuk Marhalah Khassah telah dibina di bahagian atas dengan menggunakan sekatan kayu.

Pada tahun 1990 asrama putera dan puteri<sup>19</sup> telah dibina. Pada tahun 1994 sebuah blok akademik dua tingkat telah dibina yang mana pada peringkat awal, tingkat satu dan dua digunakan untuk kelas-kelas dan bahagian bawah untuk asrama sementara pelajar lelaki bagi menampung bilangan yang semakin bertambah. Kini bahagian bawah menempatkan bilik guru lelaki dan makmal sains.<sup>20</sup> Blok asrama puteri telah terbakar pada 26 Mac 1996. Bagi menampung keperluan penginapan pelajar, pada tahun 1997 telah dibina sebuah asrama dua tingkat untuk pelajar putera dan sebuah blok asrama tiga tingkat untuk pelajar puteri. Kedua-dua blok tersebut telah menelan belanja lebih daripada RM1 juta.<sup>21</sup>

Pada tahun 2000 sebuah bangunan asrama untuk pelajar putera tingkatan satu dibina menggunakan kayu di bahagian atas dan simen di bahagian bawah<sup>22</sup>. Pada tahun 2002 bangunan itu telah diambil alih oleh Sekolah Rendah Ibn Abbas yang kini dinamakan Sekolah Rendah Seri Melati. Pelajar putera tingkatan satu

<sup>18</sup> Di samping aktiviti kerohanian pelajar, di sini juga diadakan kuliah mingguan, iaitu kelas pengajian yang diadakan pada setiap hari Sabtu mulai jam 3.30 petang, untuk pelajar-pelajar MATRI, ibu bapa dan masyarakat sekitar MATRI.

<sup>19</sup> Asrama puteri ini terletak berhampiran blok surau.

<sup>20</sup> MATRI telah memulakan aliran sains pada tahun 2001

<sup>21</sup> "Buku Cenderamata Ekspos MATRI Tahun 2000 pada 26-28 Mei 2000", h. 4

<sup>22</sup> Anak penulis, Ali Husni Sharifi bin Ghazali tinggal di asrama ini pada tahun 2000 dan 2001.

kemudiannya ditempatkan di sebuah rumah<sup>23</sup> yang diubahsuai sebagai asrama. Asrama ini dikenali sebagai Dorm Huffaz yang menempatkan pelajar-pelajar tingkatan satu yang layak untuk mengikuti program Hafazan al-Quran. Sebuah dewan makan dua tingkat telah siap dibina pada penghujung tahun 2002.<sup>24</sup> Kini sebuah blok akademik tiga tingkat menunggu untuk disiapkan. Kerja-kerja pembinaannya menjadi perlahan kerana mengalami masalah kewangan.

Pada tahun 1990 lepasan pengajian Marhalah Khassah yang pertama telah melanjutkan pelajaran ke IPT tempatan dan luar negara. Pada tahun 1991 pula, MATRI membuka kelas tingkatan satu KBSM dan pada tahun 1995 mereka menduduki peperiksaan SPM yang pertama. Satu lagi peristiwa yang membanggakan ialah pada tahun 1995 *syahādah* MATRI telah diiktiraf oleh Universiti Islam Madinah dan tidak lama setelah itu ia diiktiraf pula oleh Universiti al-Azhar, Mesir.<sup>25</sup> Bermula dengan 17 pelajar pada tahun 1987 kini MATRI mempunyai seramai 639 orang pelajar daripada tingkatan satu hingga Marhalah Khassah,<sup>26</sup> 43 orang guru dan 8 orang staf sokongan.<sup>27</sup> Hampir kesemua pelajar MATRI tinggal di asrama di dalam kawasan sekolah. Hanya sebilangan kecil yang tinggal di luar kawasan sekolah iaitu pelajar yang tinggal berhampiran MATRI. MATRI telah diberi kebenaran oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk

<sup>23</sup> Rumah ini kepunyaan Ustaz Abdullah Abu, yang telah berpindah ke rumah baru.

<sup>24</sup> Bahagian bawah dewan makan adalah untuk pelajar putera dan bahagian atas untuk pelajar puteri. Di samping itu bahagian atas juga digunakan untuk aktiviti-aktiviti tertentu yang melibatkan audians yang ramai.

<sup>25</sup> "Buku Cenderamata Ekspos MATRI Tahun 2000 pada 26-28 Mei 2000", *op.cit*

<sup>26</sup> "Buku Cenderamata Hari Keluarga dan Kecemerlangan MATRI 2003 pada 5 Julai 2003", h. 26

<sup>27</sup> *Ibid.*, h. 21

menerima pelajar antarabangsa melalui surat yang bernombor rujukan KP(JPS)5181/20/01/Jld.2(47).<sup>28</sup>

Pada 10 Mac 2001 Lembaga Tadbir MATRI telah menubuhkan Yayasan MATRI dengan matlamat :

- (i) Mewujudkan satu institusi dana yang kukuh sebagai menyahut tuntutan '*ubudiyah* kepada Allah s.w.t. dan saranan baginda Rasulullah s.a.w.
- (ii) Mengumpulkan sebanyak mungkin wang dan harta dengan cara yang bersih dan *syar'i* untuk membantu pelajar-pelajar MATRI dan anggota masyarakat setempat yang memerlukan bantuan.

Yayasan ini telah didaftarkan dengan Jabatan Perdana Menteri dan telah mendapat kelulusan pelepasan cukai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.<sup>29</sup>

MATRI mempunyai laman webnya sendiri di alamatnya; <http://matri-perlis.com>. Sebuah “*chatting channel*” juga telah diwujudkan atas nama “matri” di ruang *chatting* Mirc menggunakan *server* Webnet.<sup>30</sup>

<sup>28</sup> Salinan surat berkenaan disertakan dalam lampiran C

<sup>29</sup> “Planner Yayasan MATRI 2002”, h. 1 Yayasan MATRI menerima sumbangan kewangan melalui akaun banknya no. 559012000384, Maybank cawangan Kangar, Perlis, atas nama Yayasan MATRI

<sup>30</sup> Laman web dan ruang *chatting* ini direka dan dikendalikan oleh seorang bekas pelajar MATRI, Munzir Hazazi bin Rosdi.

### **iii. Sumber Pendapatan MATRI**

Sebagai sebuah institusi pendidikan, MATRI mempunyai beberapa sumber pendapatan untuk menampung kos pengurusannya. Sumber utama ialah daripada yuran tahunan dan bulanan serta sumbangan derma daripada anggota masyarakat yang bersimpati. Sumber-sumber lain ialah bantuan kewangan yang diperolehi daripada beberapa institusi. Sebagai contoh; pada tahun 1999 MATRI mendapat; sumbangan daripada Baitulmal Perlis (RM100,000.00), sumbangan Perkapita daripada JAKIM (RM48,800.00), bantuan buku teks daripada JAKIM dan bantuan pembangunan daripada peruntukan Wakil Rakyat untuk membina asrama selepas asrama pelajar puteri MATRI terbakar.

Pada tahun 2000 pula MATRI mendapat; sumbangan untuk pengendalian program BAKA daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (RM70,000.00), bantuan Kemahiran Hidup daripada JAKIM (RM16,00.00), bantuan daripada CELCOM (RM2,00.00), bantuan pembangunan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia yang disalurkan melalui JAKIM (RM500,000.00), Bantuan kewangan daripada Baitulmal Perlis (RM100,000.00) dan bantuan buku teks daripada JAKIM. Manakala pada tahun 2001 MATRI mendapat; bantuan untuk pengendalian program BAKA daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (RM90,000.00), bantuan Perkapita daripada JAKIM (RM63,000.00), bantuan kewangan daripada Baitulmat Perlis (RM100,000.00) dan bantuan buku teks daripada JAKIM. Mulai tahun 2002 MATRI hanya memperolehi bantuan buku teks

daripada JAKIM dan bantuan kewangan daripada Baitulmal Perlis (RM100,000.00).<sup>31</sup>

#### **4.2.2 Perkembangan Pendidikan di MATRI**

##### **i. Sejarah Kemunculan Idea untuk Membina MATRI**

Idea untuk menjalankan pendidikan dalam bentuk sebuah institusi telah muncul dalam pemikiran Tuan Haji Dahlan sejak beliau masih belajar lagi di Universiti Baghdad iaitu pada tahun 1960-an. Idea ini muncul setelah beliau memerhati realiti masyarakat Islam di mana-mana sahaja , khasnya di tempat yang beliau kunjungi sama ada di Malaysia mahupun di luar negara. Beliau mendapati pemahaman dan penghayatan Islam di kalangan mereka telah bercampur-aduk dengan anasir-anasir yang tidak tulin dan asing daripada hakikat Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. Dengan kata lain masyarakat Islam khasnya para remaja telah terpengaruh dengan gaya hidup yang dikatakan ‘moden’. Mereka tidak mengamalkan sepenuhnya ajaran Islam dalam kehidupan mereka.

Beliau merasakan perlu kepada usaha yang bersungguh-sungguh untuk melahirkan generasi remaja yang *sâlih* yang faham dan iltizam dengan ajaran Islam kerana remajalah yang bakal menggantikan generasi sedia ada. Usaha untuk membina generasi ini memerlukan kepada pengajian dan pendidikan yang teratur

<sup>31</sup> Temubual dengan En. Wan Fariduddin bin Wan Salim, Pegawai Kewangan MATRI pada 6 Oktober 2004, jam 11.15 pagi di pejabat MATRI

serta bersistematik. Ia juga memerlukan proses yang panjang dan berterusan. Kerja-kerja ini tidak dapat dilaksanakan, kecuali melalui sebuah institusi yang memberikan pendidikan yang terancang. Maka beliau cuba memperjelaskan idea atau *fikrah* tersebut kepada sahabat-sahabat dan murid-muridnya untuk sama-sama mengambil tanggung jawab bagi menubuhkan sebuah institusi pengajian Islam di Perlis. Atas kesedaran itulah MATRI dibina untuk memainkan peranan membina generasi remaja yang *wâ'i* (sedar dan faham) dan *multazim* (komited dengan ajaran Islam).<sup>32</sup>

## ii. Sejarah Pemilihan Nama MATRI

Tuan Haji Dahlan mendapati pusat-pusat pengajian ketika itu iaitu sekitar 1980-an banyak menekankan pengajian akademik dan telah berjaya melahirkan generasi yang cemerlang daripada segi akademik tetapi terdapat kekurangan dalam aspek kesempurnaan sahsiah dan perilaku. Dengan kata lain terdapat jurang antara kejayaan akademik dengan kesempurnaan sahsiah seperti yang dikehendaki oleh Islam.

Maka atas kesedaran itulah nama 'Ma'had Attarbiyah Al-Islâmiyah' telah dipilih bagi menonjolkan imej bahawa ma'had ini bukan hanya menekankan aspek kecemerlangan akademik semata-semata tetapi juga menekankan aspek

<sup>32</sup> Temubual dengan Tuan Haji Dahlan bin Mohd.Zain, Mudir MATRI pada 25 Oktober 2002, jam 8.30 pagi, *op.cit.*

kecemerlangan sahsiah. Hakikat ini tidak tercapai kecuali melalui proses pendidikan yang bersungguh-sungguh, terancang dan berterusan.<sup>33</sup>

### **iii. Asal-Usul Pendidikan di MATRI:**

Di MATRI istilah “tarbiah” telah digunakan untuk merujuk kepada pendidikan Islam atau pendidikan ke arah melahirkan insan yang memiliki sahsiah Muslim dalam aspek keimanan, kefahaman dan tingkah laku . Ini bersesuaian dengan salah satu matlamat penubuhannya iaitu “melahirkan muslim dan muslimah yang *multazim* dengan akhlak Islam dalam kehidupan harian mereka”. Guru-guru dan pelajar MATRI telah menerima konsep “tarbiah” tersebut sebagai merujuk kepada maksud yang dinyatakan di atas.

Pendidikan atau tarbiah diterima sebagai metode atau *wasiyah* yang paling penting bagi membina keperibadian muslim yang bakal menjadi anggota *ummah* Islamiah dan pemakaian konsep ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Sejak era praMATRI lagi iaitu sejak Tuan Haji Dahlan mengajar di Surau Tanjong Gorah iaitu mulai tahun 1975, beliau telah menekankan kepada konsep pendidikan yang *syumūl* iaitu konsep pendidikan yang meliputi semua fakulti insan; ruh, akal dan jasmani. Setelah MATRI ditubuhkan, beliau mengaplikasi konsep pendidikan tersebut di kalangan pelajar-pelajar MATRI.<sup>34</sup> Menurut beliau, proses pendidikan harus berteraskan akidah yang jelas dan amalan yang ikhlas kerana Allah s.w.t. Ia

<sup>33</sup> Temubual dengan Tuan Hadi Dahlan bin Mohd.Zain, Mudir MATRI pada 25 Oktober 2002, jam 8.30 pagi, *op.cit.*

<sup>34</sup> *Ibid.*

bertujuan untuk mendidik kefahaman dan penghayatan Islam secara *syumūl* agar Islam tidak hanya menjadi ilmu dan latihan mental, tetapi merupakan praktik dalam kehidupan.<sup>35</sup> Hal ini ditegaskan dalam salah satu matlamat penubuhan MATRI iaitu “Mendidik pelajar MATRI dengan didikan Islam yang sempurna dan menyeluruh melalui pelbagai proses yang disediakan”.<sup>36</sup>

Dengan penubuhan MATRI konsep pendidikan ini telah diaplikasikan dalam bentuk sebuah institusi pendidikan formal. Tugas mendidik para remaja (pelajar) dianggap sebagai ‘*ubudiyyah* yang besar iaitu mendidik mereka menjadi hamba Allah s.w.t. yang taat kepada *Rabbnya*.<sup>37</sup> Konsep pendidikan ini telah menjadi teras dalam menggariskan syiar MATRI.

#### iv. Sejarah Perkembangan Syi'ar MATRI

Sejak penubuhannya lagi MATRI menekankan syiar “*al-‘Ulamā’ warathah al-Anbiyā’*” atau “Ulamak Pewaris Nabi”. Ia membawa maksud MATRI berhasrat untuk melahirkan pelajar-pelajar yang alim dalam ilmu syarak yang menjadi teras dalam kehidupan mereka dan berusaha untuk mengembangkannya kepada masyarakat. Dengan kata lain MATRI berusaha untuk mendidik mereka menjadi ulamak yang proaktif bukan ulamak yang pasif.<sup>38</sup>

<sup>35</sup>Kata-kata aluan Mudir MATRI, *Majalah MATRI jilid 3 2000*, h. 7

<sup>36</sup> “Buku Cenderamata Ekspos Pendidikan MATRI ke-4 pada 21-23 Mei 1997”, h. 6

<sup>37</sup> Amanat Mudir MATRI dalam “Buku Panduan Guru MATRI Tahun 2002”, h. 9

<sup>38</sup> Temubual dengan Tuan Haji Dahlan bin Mohd. Zain, pada 25 Oktober 2002, jam 8.30 pagi. *Op.cit.*

Syiar "Ulamak Pewaris Nabi" digunakan sejak penubuhannya sehingga tahun 2002. Bahan-bahan cetakan MATRI seperti buku-buku cenderamata dan majalah MATRI menggunakan syiar ini sehingga tahun 2002<sup>39</sup> Pada tahun 2003 MATRI telah menggunakan syiar "Pembangunan insan melalui pendidikan yang terancang" sesuai dengan salah satu matlamat pertama penubuhannya, "Memberikan pendidikan Islam secara meluas dan terancang kepada pelajar-pelajarnya"<sup>40</sup>

#### v. Kesimpulan

Sesungguhnya kelahiran MATRI bukanlah suatu yang kebetulan. Ia mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Sebelum dibina MATRI, telah disediakan terlebih dahulu tenaga *ansār* melalui aktiviti pendidikan praMATRI iaitu kelas pengajian di Surau Tanjung Gorah. Murid-murid di kelas pengajian Tanjung Gorah tersebut, kemudiannya memainkan peranan penting sebagai penyumbang dana, harta, masa dan tenaga pendidik dalam proses pembangunan dan pelaksanaan pendidikan di MATRI.

Pengalaman pendidikan era praMATRI telah menjadi asas dalam pelaksanaan pendidikan di MATRI. Program-program pendidikan yang dijalankan, istilah-istilah dan konsep pendidikan (tarbiah) yang digunakan di MATRI mempunyai tunjangnya di era praMATRI. Pengalaman sejarah pendidikan di MATRI memberi

<sup>39</sup> "Planner Yayasan MATRI 2002" masih memuatkan syiar ini.

<sup>40</sup> "Buku Cenderamata Hari Keluarga dan Kecemerlangan MATRI 2003 pada 5 Julai 2003", h. 20

gambaran bahawa sebelum sesuatu kerja Islam yang besar dilaksanakan, perlu ada usaha pendidikan yang bersungguh-sungguh, berterusan dan terancang. Ini bertujuan menyediakan barisan *ansār* yang memahami falsafah kerja tersebut. Setelah wujudnya barisan *ansār* yang faham akan falsafah kerja tersebut, senanglah kerja tersebut direalisasikan.

Sejarah penubuhan dan pendidikan MATRI memperlihatkan suatu usaha yang bersungguh-sungguh daripada sekumpulan kecil anak watan di negeri Perlis Indera Kayangan yang telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menyediakan peluang pendidikan bagi para remaja agar mereka boleh dididik dalam persekitaran yang Islamik ke arah melahirkan remaja yang memiliki sahsiah Muslim yang dihajati oleh Islam.

#### **4.3 Pelaksanaan Pendidikan di MATRI**

##### **4.3.1 Faktor-faktor Utama yang Memantapkan Pendidikan di MATRI**

###### **i. Matlamat Penubuhan MATRI**

Matlamat adalah sasaran, tujuan atau sesuatu yang hendak dicapai.<sup>41</sup> Sesuatu organisasi akan bekerja bagi merealisasikan matlamat atau tujuan penubuhannya. Bagi MATRI, guru-guru dan mereka yang terlibat dalam pelaksanaan

---

<sup>41</sup> *Kamus dewan*, op.cit., h. 869

pendidikannya sentiasa bekerja untuk merealisasikan matlamat penubuhannya. Di bawah ini dinyatakan matlamat penubuhan MATRI:

- (i) Memberi pendidikan Islam secara meluas dan teratur kepada pelajar-pelajarnya.
- (ii) Memberi pengetahuan Bahasa Arab hingga ke peringkat membolehkan pelajar-pelajar memahami kandungan kitab suci al-Quran al-Karim dan al-Sunnah al-Nabawiyyah dan kitab-kitab ilmu berbahasa Arab.
- (iii) Mendidik Pelajar-pelajar MATRI dengan didikan Islam yang sempurna dan menyeluruh melalui proses yang disediakan.
- (iv) Melahirkan muslim dan muslimah yang *multazim* (komited) dengan ajaran akhlak Islam dalam kehidupan harian mereka.
- (v) Melaksana dan meneruskan kerja-kerja Islam yang diamanahkan oleh Allah s.w.t.<sup>42</sup>

Matlamat ini tidak berubah sejak penubuhannya hingga sekarang. Jika dilihat kepada matlamat-matlamat tersebut, boleh dirumuskan bahawa MATRI berhasrat untuk menjalankan kerja-kerja mendidik dan membangunkan pelajar agar menjadi insan *sâlih* dan menghasilkan *rijâl rakâ'iz* (tokoh-tokoh pemimpin)<sup>43</sup> yang akan mendokong peranan memartabatkan Islam.

<sup>42</sup> "Buku Cenderamata Hari Keluarga dan Kecemerlangan MATRI 2003 pada 5 Julai 2003", h.20.

<sup>43</sup> Wawancara dengan Ustaz Abd Hadi bin Osman, Penolong Kanan (Tugas-tugas Khas) MATRI dalam "Majalah MATRI jilid 3 2001", h. 84

## ii. Etika Kerja MATRI

Etika adalah prinsip-prinsip akhlak atau moral yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan.<sup>44</sup> MATRI mempunyai etika kerjanya yang tersendiri yang mana ia menjadi mangkin kepada pencapaian matlamat penubuhan dan matlamat tarbiyahnya. Antara etika kerja MATRI ialah:

- (i) Memajukan akademik, pengajaran dan pembelajaran di MATRI.
- (ii) Meningkatkan tarbiah, akhlak, sahsiah dan sebagainya.
- (iii) Mewujudkan suasana *ukhuwwah*, kerjasama, persefahaman, tolong menolong, bantu-membantu dan *al-takmīl wa al-istikmāl* (saling lengkap melengkapi).
- (iv) Memastikan pembaziran dan salah guna hak dapat dihindarkan.
- (v) Memastikan kebersihan, keceriaan dan peraturan dapat dikawal, dijaga dan ditingkatkan dari masa ke semasa.
- (vi) Memastikan segala sesuatu berjalan mengikut syarak.
- (vii) Mewujudkan *bī'ah* atau medan kerja berdasarkan '*ubudiyyah* kepada Allah dengan penuh khusyuk, tawaduk dan ikhlas kepadaNya semata-mata.
- (viii) Menjalankan kerja atau tugas dengan tanggung jawab secara berpasukan berdasarkan yang berat sama dipikul dan yang ringan sama dijinjing.<sup>45</sup>

<sup>44</sup> *Kamus Dewan*, op.cit., h. 345

<sup>45</sup> Etika kerja MATRI dalam "Buku Panduan Guru MATRI Tahun 2002", h. 3

### **iii. Konsep Kerja Sebagai Amanah,**

Setiap guru sentiasa diperingatkan bahawa tugas mereka adalah suatu amanah. Ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke MATRI dengan satu tujuan iaitu agar anak-anak mereka dididik dengan didikan Islam yang sempurna. Jika pendidikan (tarbiah) tidak menjadi matlamat mereka, tentulah mereka akan menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah lain yang mempunyai prasarana yang lebih baik dan guru-guru yang lebih terlatih dan berpengalaman. Oleh itu guru-guru menerima amanah ini dengan penuh rasa tanggung jawab dan akan cuba menjalankannya sebaik mungkin.<sup>46</sup>

### **iv. Konsep Kerja Sebagai ‘Ubudiyah dan Pengorbanan<sup>47</sup>**

Di samping mendapat sedikit nikmat *māddī*, guru-guru juga diperingatkan bahawa mereka bekerja untuk mendapat keberkataan dan keredaan Alah s.w.t. Kerja-kerja yang dijalankan untuk mendapat keredaan Allah s.w.t. akan dibalas oleh Allah s.w.t. dengan keredaanNya.<sup>48</sup> Etika Kerja MATRI juga menggariskan bahawa pelaksanaan tanggung jawab di MATRI mestilah lahir dari rasa ‘ubudiyah kepada Allah s.w.t.<sup>49</sup>

<sup>46</sup> Jawapan Ustaz Abd.Hadi bin Osman, Penolong Kanan (Tugas-tugas Khas) MATRI kepada satu soalan yang ditanyakan oleh seorang bapa dalam majlis dialog sempena Hari Keluarga dan Kecemerlangan MATRI pada 5 Julai 2003.

<sup>47</sup> Istilah pengorbanan yang biasa disebut di kalangan murid-murid Tuan Haji Dahlan dan di MATRI ialah *al-tadfiyyah*.

<sup>48</sup> Amanah dari Mudir dalam “Buku Panduan Guru MATRI Tahun 2002”, h. 9 dan 10

<sup>49</sup> Etika Kerja MATRI, *op.cit.*, h. 3

Disamping itu, konsep *'ubudiyyah* dan pengorbanan ini juga di semai dalam jiwa anak-anak murid Tuan Haji Dahlal sejak beliau menjalankan kelas pengajiannya di Surau Tanjong Gorah lagi. Beliau sering kali menekankan konsep keimanan yang hidup dalam hati, bukan iman yang beku yang tidak menghasilkan sebarang natijah. Iman itu apabila bertapak dalam hati akan melahirkan kesannya dalam kehidupan. Kefahaman terhadap konsep keimanan inilah yang menjadi *masdar* (sumber) kekuatan yang menggerakkan pengorbanan dalam pelaksanaan pendidikan di MATRI.

Pengorbanan yang diberikan adalah dalam bentuk *infāq* (sumbangan) harta dan wang. Pada peringkat awal pembinaan MATRI, ramai murid Tuan Haji Dahlal telah bekerja secara sukarela memugar tanah yang asalnya kebun getah untuk dijadikan tapak sekolah. Mereka juga bergotong-royong membina blok bangunan utama yang kini dikenali sebagai 'blok surau'. Sekarang ini masih ramai muridnya yang menyumbangkan wang untuk membantu usaha-usaha tarbiah, pendidikan dan pembangunan di MATRI. Semua ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke MATRI juga membantu pelaksanaan pendidikan di sini melalui yuran tahunan pembangunan insan sebanyak RM100.00. Ada juga yang menyumbangkan tenaga secara sukarela bagi membantu menjalankan aktiviti pendidikan seperti menjadi bapa angkat pelajar, mentor pelajar, memberi kuliah agama kepada para pelajar, mengajar kelas-kelas akademik dan mengadakan kelas-kelas tambahan.

#### **v. Konsep Kerja Sebagai Satu Pasukan**

Konsep kerja sebagai satu pasukan sangat ditekankan di kalangan guru-guru dan pekerja-pekerja di MATRI kerana al-Quran menganggap mereka yang berjuang di Jalan Allah sebagai satu binaan yang tersusun rapi.<sup>50</sup> Para pekerja untuk Islam harus terikat antara satu sama lain seperti batu-bata yang memperkuuhkan antara satu sama lain hingga berdiri tersergam sebagai sebuah bangunan. Saf yang disayangi Allah ini tidak membenarkan gangguan anasir-anasir yang melemahkan kerja. Semua harus terikat kukuh, baik dari segi kerja , *ukhuwwah* atau lain-lain.<sup>51</sup>

#### **4.3.2 Tenaga Penggerak dalam Pelaksanaan Pendidikan di MATRI**

##### **i. Guru-guru MATRI**

Perancangan dan pelaksanaan Pendidikan (tarbiah) di MATRI diletakkan di bawah Unit Tugas-tugas Khas yang diketuai oleh seorang Penolong Kanan (Tugas-tugas Khas). Sekarang ini jawatan itu disandang oleh Tuan Haji Abdul Hadi bin Osman. Antara tugas-tugas beliau ialah:

- (i) Merancang dan melaksanakan tarbiah
- (ii) Menjalankan perkhidmatan kaunseling

<sup>50</sup>Lihat al-Quran: Surah al-Saf, ayat 4

<sup>51</sup>"Buku Panduan Guru MATRI Tahun 2003", h. 8

- (iii) Menjalankan proses pendidikan al-Quran dan hafazan
- (iv) Memastikan penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti pendidikan Islam
- (v) Membantu memastikan fikrah Islamiah berjalan dan terkawal di kalangan warga MATRI
- (vi) Mengadakan klinik pemulihan sahsiah
- (vii) Mengurus perjalanan program mentor-mentee<sup>52</sup>

Beliau dibantu oleh seorang setiausaha iaitu En.Shahid Amin bin Che Abdullah yang juga merupakan kaunselor sepenuh masa.<sup>53</sup> Tiga buah jawatan kuasa diwujudkan bagi membantu menggerakkan tugas pendidikan iaitu:

- (i) Jawatankuasa Dakwah dan tarbiah yang dianggotai oleh tujuh orang guru dan Pengerusi PIBG selaku wakil PIBG. Jawatan kuasa ini diketuai oleh Timbalan Mudir, Tuan Haji Omar bin Hj. Salleh.
- (ii) Jawatan kuasa Tilawah al-Quran dan Hafazan yang dipimpin oleh Tuan Haji Abdul Hadi bin Osman sendiri, dibantu oleh enam orang guru.
- (iii) Jawatan kuasa Program Pelajar, dianggotai oleh sembilan orang guru dan dipimpin oleh En.Shahid Amin bin Che Abdullah, kaunselor MATRI.<sup>54</sup>

<sup>52</sup>“Buku Panduan Senarai Tugas Kākitangan MATRI Tahun 2003”, h. 6. Carta organisasi MATRI disertakan dalam lampiran D

<sup>53</sup>“Buku Panduan Guru MATRI Tahun 2003”, h. 15

<sup>54</sup> *Ibid.*, h. 17

Di samping itu tugas mentarbiah pelajar adalah merupakan tugas semua guru MATRI.<sup>55</sup>

## **ii. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)**

Ibu bapa yang menghantar anak-anak belajar di MATRI secara automatiknya menjadi ahli PIBG. Mereka juga memainkan peranan yang penting dalam membantu proses pendidikan di MATRI, khasnya ibu bapa yang tinggal di negeri Perlis. Antara peranan mereka ialah menjadi bapa dan ibu angkat pelajar, menjadi mentor pelajar dan memberikan kuliah agama kepada para pelajar.<sup>56</sup>

## **iii. Persatuan Lepasan MATRI (PLM)**

PLM telah ditubuhkan sebaik sahaja generasi pertama MATRI tamat pengajian Marhalah Khassah mereka iaitu pada tahun 1989. PLM telah didaftarkan secara rasmi dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan pada tahun 2002.<sup>57</sup> Ahli-ahli PLM terdiri daripada pelajar-pelajar yang pernah belajar di MATRI. Antara peranan PLM dalam membantu pelaksanaan pendidikan di MATRI ialah memberikan kuliah agama kepada pelajar MATRI, membantu pengendalian kursus dan bengkel kefaamanan Islam serta menyumbangkan tenaga dalam membantu pelaksanaan program-program yang bersifat *outdoor*.

---

<sup>55</sup> *Ibid.*, h. 3

<sup>56</sup> Maklumat ini adalah berdasarkan pengalaman penulis sebagai AJK PIBG MATRI

<sup>57</sup> Perbincangan dengan Setiausaha PLM, Ustaz Zaiduddin bin Zakaria pada 21 September 2003 diPajabat MATRI pada pukul 1.00 tengah hari.

#### **iv. Ahli Jawatankausa Surau**

Jawatankuasa ini terdiri daripada para pelajar dan diketuai oleh Ketua Warden Asrama. Tugas jawatankuasa ini adalah untuk membantu pihak sekolah dalam pelaksanaan aktiviti pendidikan di luar waktu rasmi sekolah. Pelaksanaan aktiviti tersebut adalah berdasarkan program pendidikan yang disediakan Unit Tugas-Tugas Khas MATRI.<sup>58</sup>

#### **4.3.3 *Manhāj* Pendidikan MATRI**

Menurut Tuan Haji Dahlan, maksud *manhāj* pendidikan di sini bukan setakat kurikulum tetapi ia membawa maksud yang lebih luas iaitu merangkumi aspek-aspek yang penting bagi para *murabbī* atau pendidik. Ia merangkumi isi pendidikan (kurikulum), *wasīlah* (*means*) yang digunakan dan *marhalah* (tahap-tahap) dalam pendidikan. *Manhaj* pendidikan di MATRI berasaskan al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. dan merangkumi keseluruhan aspek pendidikan dan keseluruhan aspek kehidupan. Atas *manhāj* inilah MATRI berhasrat melahirkan generasi remaja muslim yang iltizam dengan ajaran Islam, seterusnya berusaha membangunkan Islam agar menjadi kenyataan dalam kehidupan.<sup>59</sup>

---

<sup>58</sup>Berdasarkan borang maklumat yang diisi oleh Ketua Warden Asrama MATRI pada 1 November 2002.

<sup>59</sup> Temubual dengan Tuan Haji Dahlan bin Mohd. Zain, pada 25 Oktober 2002 jam 8.30 pagi, *op.cit.*

#### **4.3.4 Asas-asas utama Pendidikan di MATRI<sup>60</sup>**

Terdapat beberapa asas utama yang diberi penekanan dalam pendidikan di MATRI iaitu:

##### **i. Keimanan yang Mendalam**

Konsep keimanan yang menjadi penekanan utama ialah keimanan yang mendalam iaitu iman yang menguasai hati dan seterusnya menjadi *munazzim* (penggerak) kepada amalan dan tindakan berdasarkan al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Iman adalah *maṣdar asāsi* (sumber asasi) dalam melahirkan amalan dan tindakan. Tindakan itu adalah dalam bentuk ‘ibādah *khuṣūṣiyah*, akhlak dan aktiviti kehidupan yang lain agar *insijām* (serasi) dengan al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w.

Amalan dan tindakan yang lahir daripada cetusan iman adalah amalan yang kuat dan mampu berterusan berbanding amalan dan tindakan yang lahir hasil daripada cetusan semangat. Amalan yang lahir daripada cetusan semangat akan menjadi lemah jika sudah tidak ada suasana yang membangkitkan semangat tersebut. Amalan dan tindakan Islam haruslah lahir daripada dorongan iman, bukan suatu yang dipaksakan. Sebagai contoh, sahabat-sahabat r.a. meninggalkan arak setelah mereka beriman kepada ayat al-Quran yang mengharamkan arak bukannya

---

<sup>60</sup> Temubual dengan Tuan Haji Dahlam bin Mohd. Zain pada 21 September 2003, jam 11.00 pagi di pejabat Mudir MATRI.

kerana penguatkan peraturan pengharaman arak. Terdapat beberapa program pendidikan di MATRI yang secara khususnya menjurus kepada pembinaan keimanan seperti *qiyām al-lail*, *tilāwah al-Qur'ān*, hafazan al-Quran, bacaan wirid *al-ma'thūrāt* dan solat berjamaah.

### **ii. Kefahaman yang Sebenar**

Seseorang muslim perlu memahami ajaran Islam dengan kesyumulannya seperti yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dari sumber-sumber yang muktabar. Dengan ini barulah ia akan dapat menjalani kehidupan berdasarkan kefahaman yang betul. Jika tindakan dan amalannya tidak berdasarkan kefahaman Islam yang betul dikhuatiri tindakan dan amalannya itu tidak dikira sebagai ibadah. Tindakan yang tidak diasaskan kepada kefahaman Islam yang betul itu pula boleh menimbulkan fitnah pula kepada Islam. Antara program di MATRI yang menjurus kepada pembinaan kefahaman Islam yang sebenar ialah kuliah mingguan, kuliah subuh serta kursus dan bengkel kefahaman Islam.

### **iii. Kerja yang Berterusan**

Pendidikan bukanlah suatu amalan yang bermusim. Sejarah Rasulullah s.a.w. dan para sahabat baginda r.a. telah menunjukkan bahawa pendidikan adalah suatu kerja yang berterusan. Para *murabbi* perlu melaksanakan pendidikan terhadap anak didik mereka melalui persekitaran atau environment yang terkawal secara

berterusan barulah pendidikan itu akan memberi kesan kepada jiwa dan minda anak didik mereka. Program-program pendidikan di MATRI dirancang agar ia dilaksanakan secara berterusan seperti solat jamaah yang dilakukan setiap waktu, *tilāwah al-Qur'ān* dan wirid *al-ma'thūrāt* yang diadakan setiap hari dan kuliah mingguan yang diadakan setiap minggu.

#### **iv. Pengurusan yang Rapi**

Pendidikan bukanlah sesuatu yang boleh dilaksanakan secara *ad-hoc* tanpa pelaksanaan yang berperancangan. Perancangan dan pelaksanaan pendidikan hendaklah dibuat dengan rapi agar jelas *ghāyah* (matlamat)nya, betul *wasīlahnya* dan jelas *marjalah* (tahap-tahap)nya bagi mendapatkan natijah yang diharap-harapkan. Setiap tahun, sebelum sesi tahun baru dimulakan pentadbir dengan dibantu oleh guru-guru MATRI telah merancang aktiviti pendidikan (tarbiah), kegiatan akademik dan kurikulum serta mencetaknya dalam bentuk takwim sekolah.

#### **4.3.5 Program-program Pendidikan yang Dilaksanakan di MATRI**

Dalam sub tajuk ini penulis membincangkan aktiviti pendidikan yang dilaksanakan di MATRI sama ada program-program formal maupun tidak formal:

## **i. Kuliah Mingguan**

Program ini merupakan program pendidikan yang terawal yang dilaksanakan di MATRI. Program ini adalah lanjutan daripada kelas pengajian mingguan yang dikendalikan oleh Tuan Haji Dahlan bin Mohd. Zain, Pengasas dan Mudir MATRI yang dijalankan di Surau Tanjong Gorah, Repoh, Perlis pada setiap Hari Jumaat, jam 3.30 petang. Setelah MATRI didirikan kelas ini dipindahkan ke surau MATRI dan dijalankan pada hari dan waktu yang sama. Setelah cuti mingguan negeri Perlis ditukar kepada hari Ahad ketika era pimpinan Y.A.B. Menteri Besar Dato' Abdul Hamid Pawan Teh, kelas ini dipindah ke hari Sabtu pada waktu yang sama.

Semasa kuliah ini diadakan di Tanjung Gorah, ia terbuka kepada semua kaum muslim dan muslimat. Setelah dipindahkan ke Surau MATRI ia diadakan khusus untuk pelajar-pelajar MATRI. Di samping itu ia juga dihadiri oleh ibu bapa pelajar dan kaum muslimin dan muslimat yang tinggal berdekatan MATRI. Pelajar-pelajar MATRI diwajibkan menghadiri kelas pengajian mingguan ini. Mereka juga wajibkan mencatat isi-isi penting yang disampaikan dalam sebuah buku catatan khas.<sup>61</sup> Kelas ini dikendalikan oleh Tuan Haji Dahlan sendiri sehingga apabila beliau kurang sihat, kelas ini diambil alih oleh Tuan Haji Omar bin Haji Salleh, Timbalan Mudir MATRI dan Tuan Haji Abdul Hadi bin Osman, Penolong Kanan (Tugas-tugas Khas) MATRI.

\*<sup>61</sup> Maklumat ini diperolehi daripada anak-anak penulis yang belajar di MATRI iaitu Taqiyah Khadijah binti Ghazali (tingkatan lima tahun 2003), Ali Husni Shariati bin Ghazali (tingkatan empat tahun 2003) dan Umar Muhamir bin Ghazali (tingkatan satu 2003)

Semasa kelas ini dijalankan di Surau Tanjong Gorah, pengisiannya adalah dalam bentuk tafsir al-Quran, Hadith dan Sirah. Setelah dipindahkan ke surau MATRI, pengisian kelas pengajian ini disesuaikan dengan realiti pelajar, iaitu menekankan aspek keimanan yang mendalam, kefahaman yang sebenar dan akhlak yang mantap.

Kelas pengajian ini merupakan program yang sangat penting dalam konteks pelaksanaan pendidikan di MATRI kerana ia merupakan:

- (i) Wadah utama dalam menyampaikan fikrah Islamiah yang betul kepada para pelajarnya.
- (ii) Peluang untuk berdakwah kepada ibu bapa dan kaum muslimin dan muslimat yang hadir.
- (iii) Masa yang sesuai untuk ibu bapa berjumpa dengan anak-anak mereka yang belajar di MATRI.
- (vi) Wadah untuk menjalin dan mengukuhkan *ukhuwwah islāmiyyah* di kalangan guru-guru, ibu bapa dan para pelajar MATRI.

## **ii. Program Mentor-Mentee**

Pada peringkat awal, program ini merupakan program angkat di mana seorang guru atau ibu bapa mengambil lima hingga tujuh orang pelajar sebagai anak angkat. Ibu bapa angkat ini membantu mengisi masa pelajar seperti menjamu makan di

rumah dan membawa pelajar untuk aktiviti tidak formal seperti *riflah* (perkelahan). Kemudian program ini dikembangkan bagi mencontohi konsep *halalah* yang dipraktikkan dalam sejarah tamadun Islam di mana murid-murid belajar dalam bentuk bulatan bersama-sama guru. Untuk memenuhi tujuan ini mentor akan membincangkan dengan para pelajar isi-isi penting yang telah disampaikan dalam kuliah mingguan untuk menambahkan kefahaman pelajar dan biasanya diadakan satu atau dua minggu sekali. Di samping itu mentor-mentor juga cuba untuk mengambil berat tentang kebijakan pelajar seperti kesihatan, pelajaran dan sebagainya. Di segi pengurusannya, program ini diselaraskan oleh kaunselor sekolah.

### **iii. Kursus Kefahaman Islam**

Program ini juga mempunyai sejarahnya sejak era praMATRI lagi. Tuan Haji Dahlan kerap mengadakan kursus-kursus kefahaman Islam bagi murid-murid yang mengikuti kelas pengajian mingguannya di tempat-tempat yang sesuai seperti di Surau Tanjung Gorah, Sekolah Menengah Agama Alawiyah, Arau, Perlis.<sup>62</sup> Pondok Haji Mat Rejab, Beseri, Perlis dan Akademi Pendidikan Islam (AKAPI) di Behor Impiang, Perlis<sup>63</sup>. Tujuannya adalah untuk merapatkan *ukhuwwah* di kalangan anak-anak muridnya, menambahkan kefahaman terhadap fikrah Islamiah berdasarkan al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. dan menjadi wadah dakwah untuk mengajak muslimin dan muslimat di Perlis ke kelas pengajian beliau. Antara

<sup>62</sup> Sekarang ini Madrasah al-'Alawiyah al-Diniyyah

<sup>63</sup> Sekarang menjadi tapak Sekolah Rendah Yayasan Islam Perlis.

pengisiannya ialah pembentangan kertas kerja, bengkel, rumusan bengkel, kuliah subuh dan riadah.<sup>64</sup>

Setelah MATRI ditubuhkan, pengalaman pendidikan melalui kursus kefahaman Islam ini diterapkan di MATRI dengan beberapa penyesuaian seperti berikut:

- (i) Program ini biasanya dijalankan setelah para pelajar tamat peperiksaan penggal. Masa beberapa hari sebelum cuti penggal digunakan untuk kursus ini.
- (ii) Pengisiannya diubahsuai, antaranya ialah kuliah yang berkaitan dengan fikrah Islamiah (tanpa kertas kerja), kuliah subuh, *qiyām al-lail* dan aktiviti sukan.<sup>65</sup>

Program ini berperanan sebagai wadah untuk menambahkan kefahaman pelajar terhadap fikrah Islamiah, melatih diri beribadat, merapatkan *ukhuwwah* dan melatih kecerdasan badan.

<sup>64</sup> Maklumat ini berdasarkan pengalaman penulis dan isteri penulis yang pernah mengikuti program ini.

<sup>65</sup> Maklumat ini diperolehi daripada anak penulis Taqiyah Khadijah binti Ghazali dan Ali Husni Shariati bin Ghazali, *op.cit.*

#### **iv. *Halaqah al-Qur'ān***

Program ini dijalankan pada tiga waktu iaitu:

##### **a. Selepas Solat Fardu Maghrib**

Ia dijalankan setiap hari selepas solat maghrib hingga masuk waktu isyak di Surau MATRI. Para pelajar akan duduk dalam bulatan mengikut *halaqah al-Qur'ān*<sup>66</sup> masing-masing dan membaca al-Quran hingga hampir masuk waktu isyak. Ayat-ayat al-Quran yang dibaca adalah mengikut pilihan para pelajar sendiri biasanya sambungan daripada hari sebelumnya. Program ini dikendalikan oleh pelajar yang bertugas sebagai AJK Surau. Bagi pelajar tingkatan satu ada pelajar Marhalah Khassah yang mengawasi dan *tasmi'* (mendengar dan menyemak) bacaan al-Quran mereka.<sup>67</sup>

##### **b. Pada Pukul 10.35 Minit Malam**

Setiap hari selepas belajar malam, pelajar dikehendaki berkumpul di surau MATRI pada pukul 10.35 malam dan mereka akan membaca al-Quran dari surah tertentu secara *jama'i* dengan dipimpin oleh seorang pelajar. Ketika pemerhatian dibuat,

<sup>66</sup> *Halaqah* pada asalnya merupakan cara pelajar belajar bersama guru-guru di masjid dalam bentuk bulatan atau lingkaran. Lihat Prof. Dr. Ahmad Sahalaby (1979), *Sejarah Pendidikan Islam*. Prof H.Muchtar Jahja dan Drs.M Sanusi Latief (terj.), Singapura: Pustaka Nasional, h. 72

\* <sup>67</sup> Maklumat ini diperolehi daripada perbualan dengan anak penulis, Umar Muhamir bin Ghazali , dan Ali Husni Shariati, *op.cit.* Pemerhatian khusus juga dibuat pada hari Ahad, 27 Julai 2003 antara waktu solat maghrib dan isyak.

pelajar membaca Surah al-Inṣān. Sebelum itu dari bulan Januari 2003 hingga Jun 2003, pelajar dikehendaki membaca surah al-Ṣaf. Pada tahun 2002 mereka membaca surah al-Mulk. Cara bacaan seumpama ini dibuat bertujuan untuk membiasakan pelajar membaca surah-surah tersebut hingga mereka boleh menghafalnya.<sup>68</sup>

#### c. Hari Khamis, Selepas Solat Maghrib

Pelajar dikehendaki duduk dalam bulatan besar atau disebut sebagai *halaqah jamā'ī*. Mereka membaca secara tadarus iaitu seorang pelajar membaca satu ayat dan diikuti oleh pelajar yang lain. Surah yang dibaca ialah surah al-Kahfi yang dimulakan sejak bulan Julai 2003. Sebelum itu mereka membaca surah Yāsin. Apabila sebahagian besar pelajar sudah lancar membaca dan menghafaz surah tersebut, mereka dikehendaki membaca surah yang lain pula.<sup>69</sup>

#### v. Hafazan al-Quran

Program ini diadakan setiap hari khamis mulai selepas solat asar hingga pukul 6.00 petang di surau MATRI. Pelajar dikehendaki duduk dalam kumpulan menurut *halaqah* al-Quran masing-masing. Biasanya program ini akan diawasi oleh

<sup>68</sup> Maklumat ini diperolehi daripada Mohd. Yusuf bin Burhan, pelajar Marhalah Khassah II tahun 2003 ketika perbualan dengan beliau pada 31 Julai 2003 di Surau MATRI kira-kira pukul 10.00 malam. Pemerhatian khusus juga dibuat pada hari yang sama antara pukul 10.30 hingga 10.45 malam.

<sup>69</sup> Maklumat ini diperolehi daripada Mohd. Jabir bin Abdullah, pelajar tingkatan tiga ketika perbualan dengan beliau pada 31 Julai 2003 di Surau MATRI pada kira-kira pukul 10.20 malam. Pemerhatian khusus juga dibuat pada hari yang sama kira-kira pukul 8.00 hingga 8.15 malam.

Penolong Kanan (Tugas-tugas Khas) sendiri iaitu Tuan Haji Abdul Hadi bin Osman. Jika beliau tidak dapat hadir, program ini akan diawasi oleh AJK Surau. Pelajar-pelajar yang tinggal di luar kawasan sekolah juga diwajibkan menghadiri program ini. Ayat-ayat al-Quran yang dihafaz adalah mengikut kemampuan pelajar, bermula daripada juz ketiga puluh yang dimulai ketika pelajar memasuki tingkatan satu.<sup>70</sup>

Mulai tahun 2002 program hafazan diberi perhatian khusus bagi pelajar tingkatan satu. MATRI telah membeli sebuah rumah kepunyaan Ustaz Abdullah bin Abu yang terletak tidak jauh daripada blok surau dan dijadikan asrama bagi para pelajar tingkatan satu yang layak mengikuti program hafaz al-Quran.<sup>71</sup> Asrama tersebut dinamakan dorm huffaz. Pelajar-pelajar yang ditempatkan di Dorm Huffaz ini adalah mereka yang lulus ujian bacaan al-Quran ketika pendaftaran memasuki tingkatan satu. Beberapa orang pelajar Marhalah Khassah juga ditempatkan di dorm ini bagi membantu warden mengawasi pelajar.

Seorang guru khas ditugaskan mengendalikan program hafaz al-Quran bagi pelajar-pelajar tersebut iaitu Ustaz Rosli bin Ismail.<sup>72</sup> Selain masa wajib bagi hafazan iaitu pada hari Khamis selepas solat asar, pelajar-pelajar di dorm huffaz dikehendaki menjalani program hafazan pada waktu-waktu yang ditentukan oleh

<sup>70</sup> Maklumat ini diperolehi daripada anak penulis Taqiyah Khadijah, Ali Husni Shariati dan Umar Muhamadir, *op.cit*. Pemerhatian khusus juga dibuat pada hari Khamis 31 Julai 2003, selepas solat Asar hingga pukul 6.00 petang.

<sup>71</sup> Pemilik asal rumah ini ialah, Ustaz Abdullah Abu. Beliau adalah antara peneroka awal yang membina rumah berhampiran MATRI setelah usaha pemugaran kawasan ini.

<sup>72</sup> Beliau berkelulusan Diploma Tahfiz al-Quran daripada Ma'had Tahfiz al-Quran Negeri Perlis dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Hadith daripada Universiti Islam Madinah. Beliau adalah bekas pelajar MATRI.

guru khas berkenaan yang biasanya diadakan di dewan makan dan surau. Pelajar-pelajar dikehendaki menghafaz juz 30 terlebih dahulu sebelum menghafaz surah-surah yang lain. Pelajar-pelajar tingkatan satu yang tidak mengikuti program khas hafazan ini ditempatkan bersama-sama pelajar lain di asrama utama.<sup>73</sup>

#### vi. Bacaan *al-Ma'thūrāt*

Program ini dijalankan setiap hari selepas solat asar di surau MATRI dan dikendalikan oleh AJK Surau. Pelajar yang menjadi imam semasa solat Asar hari berkenaan akan memimpin bacaan wirid *al-Ma'thūrāt*. Wirid yang diamalkan ialah *ważīfah ṣughra*<sup>74</sup> dan mengambil masa kira-kira 20 minit. Sebenarnya bacaan *al-ma'thūrāt* ini juga mempunyai sejarahnya sejak era pengajian di Surau Tanjung Gorah. Dalam kursus-kursus kefahaman dan *qiyām al-lail* yang diadakan untuk murid-murid Tuan Haji Dahlan, wirid *al-ma'thūrāt* ini kerap dibaca secara berjamaah.

#### vii. *Qiyām al-Lail*

Program ini juga mempunyai sejarahnya sejak kelas pengajian di Tanjung Gorah lagi. Tuan Haji Dahlan kerap mengadakan *qiyām al-lail* bersama murid-muridnya (murid-murid lelaki sahaja) dengan tujuan untuk membiasakan diri menghidupkan

<sup>73</sup> Maklumat ini diperolehi daripada anak penulis Umar Muhamir, *op.cit.* yang tinggal di dorm huffaz pada tahun 2003

<sup>74</sup> Wirid ini mengandungi ayat-ayat al-Quran dan doa-doa yang *ma'thūr* yang disusun oleh Imam Hassan al-Banna untuk dijadikan amalan harian. Ia boleh dibaca kesemuanya atau disebut *ważīfah kubrā* dan boleh juga membaca bahagian yang ringkas yang disebut *ważīfah ṣughra*.

malam dengan ibadat. Di MATRI program ini diadakan di surau MATRI dan biasanya diadakan bagi pelajar mengikut tingkatan dan dikendalikan oleh AJK surau. Pelajar lelaki dan wanita tidak mengadakan *qiyām al-lail* pada malam yang sama<sup>75</sup> untuk mengelakkan ‘fitnah’<sup>76</sup>

Antara aktiviti dalam program ini ialah *katībah*. Dalam aktiviti ini peserta dikehendaki tidur pada pukul 11.00 malam dan dikehendaki bangun pada kira-kira pukul 4.30 pagi. Dalam tempoh dari pukul 11.00 malam hingga 4.30 pagi itu, peserta akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil yang dipanggil *katībah*. Satu *katībah* mengandungi empat hingga enam orang. *Katībah* ini akan bergilir berjaga malam dengan melakukan aktiviti seperti membaca al-Quran, berzikir dan solat sunat. Sebagai contoh, *katībah* pertama akan memulakan aktiviti dari pukul 11.00 malam hingga pukul 12.00 malam. Sebelum mereka tidur, mereka akan mengejutkan kumpulan kedua dan begitulah seterusnya hingga pukul 4.30 pagi yang mana semua akan bagun. Dari pukul 4.30 pagi hingga masuk waktu subuh peserta akan melakukan solat sunat *tahajjud* dan membaca al-Quran.<sup>77</sup>

Terdapat satu lagi aktiviti yang kerap juga dilakukan ketika program *qiyām al-lail* iaitu sesi *muḥāsabah* diri. Sesi ini dijalankan antara jam 4.30 pagi hingga hampir masuk waktu subuh. Antara pengisianya ialah tazkirah tentang akhirat,

<sup>75</sup> Maklumat ini diperolehi daripada anak penulis, Taqiyah Khadijah, *op.cit.*

<sup>76</sup> Pelajar putera dan puteri tidak dibenarkan bermalam di atas surau pada malam yang sama, walaupun diadakan sekatkan, kerana Tuan Haji Dahlan berpegang kepada kaedah shariah *syad al-zurārī* (menutup pintu-pintu fitnah)

<sup>77</sup> Maklumat ini diperolehi daripada anak penulis Taqiyah khadijah binti Ghazali dan Ali Husni Shariati bin Ghazali, *op.cit.*

kematian dan sebagainya. Adakalanya pelajar dibawa menziarahi kubur yang berhampiran MATRI sebagai tazkirah secara praktikal.<sup>78</sup>

### viii. Gotong-Royong

Aktiviti gotong royong juga mempunyai sejarahnya yang tersendiri di MATRI sehingga ia dijadikan sebagai sebahagian daripada *wasilah* (metod) pendidikan. Aktiviti gotong-royong ini bermula dengan usaha pemugaran tapak sekolah dan pembinaan blok surau. Ketika peringkat awal pembinaan MATRI murid-murid Tuan Haji Dahlan dan orang-orang yang bersimpati telah hadir hampir setiap hujung minggu untuk mengadakan gotong-royong.<sup>79</sup> Konsep gotong-royong ini kemudiannya diterapkan dalam pendidikan di MATRI sebagai sebahagian daripada program pendidikan kemasyarakatan.

---

<sup>78</sup> Maklumat ini diperolehi daripada anak penulis, Umar Muhamir bin Ghazali, *op.cit*.

<sup>79</sup> Tanah ini pada asalnya adalah kebun getah, kepunyaan Tuan Haji Abdul Malek bin Abdullah yang sekarang ini bertugas sebagai pembantu tadbir di MATRI. Beliau telah menjual tanah tersebut yang keluasannya kira-kira 22 relung dengan harga RM30,000.00. Pada mulanya beliau ingin memberikan secara percuma sahaja untuk dijadikan tapak sekolah, tetapi tidak dipersetuju oleh Tuan Haji Dahlan. Tuan Haji Abdul Malek telah berbincang dengan Tuan Haji Dahlan dan sahabat-sahabat karib beliau dan kemudiannya Tuan Haji Abdul Malek telah mengambil keputusan untuk menjual dengan harga seperti yang tersebut. Kebetulan pula wang yang telah dapat dikumpul ketika itu juga hanyalah sebanyak RM30,000.00. Sebahagian besar kerja pemugaran dan pembinaan blok surau dijalankan secara gotong-royong kecuali kerja-kerja yang memerlukan kepakaran dan yang tidak dapat dibuat oleh tenaga manusia seperti menolak pokok-pokok getah yang mana kerja itu telah dibuat dengan menggunakan jentolak. Maklumat ini diperolehi melalui perbualan dengan Tuan Haji bin Abdul Malek bin Abdullah, pemilik asal tanah tersebut pada 21 September 2003, jam 12.00 tengah hari di pejabat MATRI.

Program gotong royong ini terbahagi kepada dua jenis iaitu:

**a. Gotong-royong Wajib**

Program ini jalankan pada hari Rabu dan Sabtu. Pada hari sabtu para pelajar membersihkan kelas, surau, bilik air dan persekitaran sekolah. Manakala pada hari Rabu, pelajar membersihkan asrama.<sup>80</sup>

**b. Gotong-royong Mengikut Keperluan**

Ini dijalankan apabila keadaan memerlukan seperti apabila ada lawatan oleh pihak tertentu ke MATRI dan sebelum pihak sekolah mengadakan sesuatu aktiviti tertentu. Sebagai contoh, sebelum Hari Keluarga dan Kecemerlangan MATRI 2003 pada 5 Julai 2003, para pelajar bersama ibu bapa dan guru telah menjalankan gotong-royong bersama bagi membersihkan kawasan sekolah.<sup>81</sup> Di samping itu program gotong-royong telah juga dijalankan di luar kawasan MATRI dengan tujuan untuk mengeratkan silaturahim MATRI dengan masyarakat sekitar dan mendedahkan para pelajar dengan aktiviti khidmat masyarakat. Sebagai contoh, pada tahun 2002 Pelajar-pelajar putera MATRI telah mengadakan gotong-royong di Masjid Sungai Paya dan Masjid Kampung Darat.<sup>82</sup>

<sup>80</sup> Maklumat ini berdasarkan borang maklumat yang diisi oleh Ketua Warden MATRI pada 1 November 2002.

<sup>81</sup> Penulis turut ikut serta bersama ibu bapa lain dalam gotong-royong pada 4 Julai 2003.

<sup>82</sup> Maklumat ini diperolehi daripada papan kenyataan MATRI yang dilekatkan sempena Hari Kecemerlangan MATRI 2003. Kedua-dua masjid terletak kira-kira dua kilometer daripada MATRI.

## **ix. Program Kecergasan dan *Outdoor***

Program ini termasuk dalam aktiviti yang berkaitan dengan pendidikan fizikal atau *tarbiyyah jismiyah*. Di samping itu ia juga menyumbangkan kepada pembinaan semangat berpasukan dan asuhan bakat kepimpinan. Menurut Tuan Haji Omar bin Haji Salleh, Timbalan Mudir MATRI, kegiatan kokurikulum juga merupakan sebahagian daripada pendidikan atau tarbiah kerana ia dijalankan bagi memenuhi sebahagaian daripada tuntutan syarak.<sup>83</sup> Di MATRI, pendidikan kecergasan ini boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu, kegiatan pasukan beruniform, aktiviti sukan dan permainan serta program berkala:

### **a. Aktiviti Pasukan Beruniform**

Terdapat beberapa pasukan beruniform yang aktif di MATRI iaitu Kadet Remaja Sekolah (KRS), Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia (KBPM), Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) dan Persatuan Putri Islam Malaysia (PPIM):

#### **a(i). Pasukan Kadet Remaja Sekolah Malaysia (KRS) MATRI**

KRS Matri mempunyai anggota seramai 40 orang dan dipimpin oleh guru penasihatnya Leftenan Penuh Ustaz Shaari bin Awang. Objektif Pasukan ini ialah:

---

<sup>83</sup> Ucapan beliau semasa merasmikan Hari Kokurikulum MATRI 2003 pada 1 Mei 2003 di Dataran MATRI kira-kira pukul 9.15 pagi

- (i) Membentuk generasi Pelajar yang menjiwai semangat perpaduan, ketrampilan diri, berdaya saing, kreatif dan inovatif dalam menghadapi pelbagai cabaran kehidupan.
- (ii) Membantu mengembangkan semua aspek potensi manusia yang berteraskan ilmu dan amal ke arah pembinaan dan pengukuhan sahsiah pelajar.
- (iii) Membina generasi pelajar patriotik yang menjiwai semangat cintakan agama, bangsa dan negara.

Pasukan ini mengadakan latihan dua kali seminggu iaitu pada hari Selasa pukul 3.30 petang hingga 6.30 petang dan hari Sabtu pukul 8.00 pagi hingga 10.00 pagi. Antara kejayaan pasukan ini ialah:

- (i) Mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Kawad Kaki Peringkat Negeri Perlis 2002.
- (ii) Seramai lapan orang anggota KRS MATRI telah mewakili negeri Perlis dalam Kem Perdana KRS 2002 di Selangor.
- (iii) Memenangi lapan hadiah daripada 10 kategori yang dipertandingkan semasa Kem Tahunan KRS Peringkat Negeri Perlis 2002 yang diadakan di Timah Tasoh, Perlis.<sup>84</sup>

<sup>84</sup> Maklumat ini diperolehi daripada borang maklumat yang diisi oleh Guru Penasihat KRS MATRI, Lefinan Penuh KRS Ustaz Shaari bin Awang pada 11 November 2002.

Di samping itu pada tahun 2003, pasukan ini juga sekali lagi menyertai Perkhemahan KRS Peringkat Negeri Perlis yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Perlis di Timah Tasoh, Perlis. Dalam perkhemahan tersebut, seramai enam orang anggota KRS MATRI terpilih untuk mewakili negeri Perlis ke Perkhemahan Perdana KRS Peringkat Kebangsaan 2003 yang diadakan di Pulau Pinang.<sup>85</sup>

Selain anggota biasa yang berjumlah seramai 40 orang itu, KRS MATRI juga menubuhkan dua platon<sup>86</sup> KRS Shabab yang terdiri daripada pelajar tingkatan satu sebagai anggota pelapis. Mereka telah menjalani latihan intensif hampir setiap hari selama sebulan yang meliputi kawad kaki dan formasi kawad senyap sebelum menyertai pertandingan kawad yang diadakan sempena Hari Kokurikulum MATRI 2003 pada 1 Mei 2003 dan telah berjaya memberikan persembahan kawad yang menarik perhatian penonton.<sup>87</sup> Pasukan Kadet Shabab telah membuktikan bahawa latihan yang terancang dan berterusan dapat menghasilkan natijah yang membanggakan.

<sup>85</sup> Maklumat ini diperolehi dalam taklimat yang disampaikan oleh En. Osman bin Arof, Penolong Kanan (Kokurikulum) MATRI semasa majlis perasmian Hari Kokurikulum MATRI pada 1 mei 2003 di Dataran MATRI kira-kira jam 9.30 pagi.

<sup>86</sup> Satu platon mengandungi 30 orang anggota.

<sup>87</sup> Maklumat ini diperolehi daripada anak penulis Umar Muhamir bin Ghazali, *op.cit.* yang merupakan anggota KRS Shabab(b). Pemerhatian juga dilakukan sebelum dan semasa pertandingan kawad tersebut.

#### **a(ii). Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia (PKBPM) MATRI**

Pasukan ini mempunyai anggota seramai 40 orang dan diketuai oleh guru penasihatnya, Ustaz Zainuddin bin Zakaria. Objektif pasukan ini ialah:

- (i) Memberikan Pengetahuan asas kepada anggotanya dalam bidang teori dan praktikal tentang bantuan kebombaan.
- (ii) Berkongsi kemahiran dan kefahaman dalam menjalankan tugas kebombaan.
- (iii) Sebagai agen kesedaran kepada sekolah dan masyarakat mengenai bahaya kebakaran,bencana dan kecuaian manusia

Latihan dijalankan sebanyak dua kali seminggu iaitu pada hari Isnin dan Selasa pukul 3.30 petang. Selain daripada aspek kebombaan, latihan juga meliputi kawad kaki dan formasi kawad senyap. Pasukan ini telah berjaya mendapat tempat ketiga dalam pertandingan kawad kaki MATRI 2002, tempat kelima Pertandingan Kawad Kaki Peringkat Negeri Perlis 2002, naib johan Pertandinagan Kawad Kecekapan Pili Bomba (individu) dan naib johan Pertandingan Kawad Kecekapan Pam 2002 (kumpulan). Pasukan ini juga menyertai Perkhemahan Kadet Bomba dan Penyelamat Malaysia Peringkat Negeri Perlis dan menyertai perbarisan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos 2002.<sup>88</sup>

<sup>88</sup> Maklumat ini diperoleh daripada borang maklumat yang diisi oleh Guru Penasihat Pasukan Kadet Bomba MATRI, Ustaz Zainuddin bin Zakaria pada 15 November 2002.

### **a(iii). Persatuan Bulan Sabit Malaysia (PBSM) MATRI**

Persatuan ini mempunyai 60 orang ahli. Ia dibimbing oleh tiga orang guru penasihat iaitu Ustaz Rosli bin Ismail, En.Azmi bin Bahari dan En. Fakarey Muhammad. Persatuan ini diketuai oleh Sdr. Mohd. Suheil bin Mohd.Rubani sehingga bulan Mei 2003. Kini ia dipimpin oleh Sdr. Zubir bin Othman.

Persatuan ini mengadakan latihan pada hari Isnin dan Selasa dari pukul 5.00 petang hingga 6.30 petang. Latihan diisi dengan tazkirah, kawad kaki dan panduan pertolongan cemas. Antara kejayaan persatuan ini ialah Naib Johan Pertandingan Kawad Kaki Peringkat Negeri Perlis Tahun 2002 (kategori NGO) dan Naib Johan Pertandingan Kawad Kaki MATRI Tahun 2003. Beberapa orang ahli persatuan ini telah terpilih untuk menjadi fasilitator dalam Perkhemahan PBSM Peringkat Negeri Perlis Tahun 2003<sup>89</sup>

### **a(iv) Persatuan Puteri Islam Malaysia (PPIM ) MATRI**

Semua pelajar Puteri<sup>90</sup> diwajibkan menjadi ahli PPIM. Persatuan ini dipimpin oleh seorang Guru Pepimpin PPIM. Objektif persatuan ini ialah untuk membantu proses pembangunan diri ahli-ahli Puteri supaya:

---

<sup>89</sup> Maklumat ini diperolehi melalui perbualan dengan Sdr. Mohd. Suheil bin Mohd. Rubani yang merupakan bekas pemimpin PBSM MATRI, pada 12 Ogos 2003 di Surau MATRI pada pukul 10.45 malam.

<sup>90</sup> Perkataan "Puteri" dengan huruf "P" dieja dengan huruf besar adalah singkatan bagi ahli PPIM.

- (i) Beriman dan berakhhlak murni berlandaskan prinsip-prinsip Islam.
- (ii) Mempunyai kesihatan diri dan mampu membangunkan diri secara berspadu iaitu dari segi spiritual, intelektual, emosi, sosial dan fizikal.
- (iii) Dapat menjalankan tali persaudaraan dan silaturahim sesama sendiri, keluarga dan masyarakat.

Usaha mencapai objektif di atas dapat dicapai dengan cara:

- (i) Memperlihatkan kepada Puteri kebenaran dan kebesaran al-Quran dan Hadith dalam konteks alam dan kehidupan yang nyata melalui program-program yang dijalankan.
- (ii) Memberi pendidikan dan latihan tidak formal kepada Puteri melalui aktiviti yang mencabar dan menarik minat.
- (iii) Melengkapkan Puteri dengan pengetahuan dan kemahiran supaya dapat menyumbangkan secara positif kepada diri, keluarga dan masyarakat.

Persatuan ini telah menyertai Sukaneka Puteri dan Perayaan Hari Puteri Islam Peringkat Negeri Perlis 2002 dan telah memenangi beberapa hadiah dalam acara-acara yang dipertandingkan. Persatuan ini mengadakan latihan seminggu sekali iaitu pada hari Rabu selepas solat Asar.<sup>91</sup> Di samping aktiviti biasa, mereka juga menyertai aktiviti lasak yang diadakan di Pusat Rekreasi dan Motivasi Wang Mu

<sup>91</sup> Maklumat ini diperolehi daripada borang maklumat yang diisi oleh Guru Pemimpin PPIM MATRI pada 15 November 2002.

seperti aktiviti perkhemahan, trekking, absailing, tarik tali dalam air dan sebagainya untuk membina kecerdasan puteri.<sup>92</sup>

### **b. Sukan dan Permainan**

Umat Islam dituntut agar menjaga kesihatan jasmaninya supaya mereka mampu memikul bebanan dakwah dan jihad, agar kelemahan jasmani tidak menjadi halangan baginya dalam rangka merealisasikan cita-cita Islam.<sup>93</sup> Untuk tujuan itu, sukan dan permainan merupakan *wasiyah* yang penting dalam pendidikan fizikal. Di MATRI, aktiviti sukan dan permainan boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu, aktiviti sukan dan permainan yang terancang dan aktiviti permainan harian.

#### **b(i). Aktiviti Permainan yang Terancang**

Aktiviti sukan dan permainan sangat diberi perhatian oleh Jabatan Pendidikan Negeri Perlis. Ia telah menarik penyertaan pasukan sukan dan permainan daripada sekolah-sekolah di negeri Perlis termasuklah MATRI.

Antara pasukan permainan di MATRI yang menyerlah ialah pasukan hoki (lelaki) yang telah berjaya menjadi johan peringkat negeri perlis pada tahun 2002. Pasukan ini telah mewakili negeri perlis dalam pertandingan peringkat kebangsaan pada tahun 2002 yang diadakan di Selangor. Sungguhpun hanya terdapat padang

<sup>92</sup> Maklumat ini diperolehi daripad anak penulis Taqiyah Khadijah, *op.cit.*

<sup>93</sup> Mustafa Masyhur (1985), *Jalan Dakwah*. Hj Mohd Tahir Daeng Mengati (terj.) Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 146

hoki yang kecil untuk sesi latihan, namun ini tidak menghalang mereka berlatih dan meraih kejayaan. Pasukan ini telah dipilih sebagai *Fair Play Team* dalam pertandingan peringkat kebangsaan tersebut.<sup>94</sup> Pada tahun 2003 pasukan ini telah mendapat tempat keempat peringkat negeri perlis. Apa yang menarik ialah kegiatan permainan ini dihubungkaitkan dengan pendidikan keimanan kerana ketika hampir pertandingan diadakan para pemain kerap mengadakan solat hajat secara berjemaah selepas solat isyak selama beberapa malam.

Di samping pasukan hoki, pasukan-pasukan sukan dan permainan lain yang aktif ialah pasukan olahraga, bola sepak dan bola tampar. Di MATRI, kegiatan sukan dan permainan dijalankan secara bersepadu iaitu ia dilaksanakan untuk memenuhi tuntutan *dīn* bukan sebagai aktiviti yang terpisah tanpa ada ikatan dengan *dīn al-Islām*. Seorang guru penasihat<sup>95</sup> pasukan bola sepak di sekolah tempat penulis bertugas telah memuji pasukan bola sepak MATRI kerana semua pemainnya telah menunaikan solat asar dahulu sebelum bermain sedangkan ramai pemain dari sekolah lain yang tidak berbuat begitu.

#### **b(ii). Aktiviti Permainan Harian Pelajar Asrama**

Masa untuk pelajar asrama bermain ialah selepas solat Asar hingga pukul 6.30 petang. Mereka boleh mengadakan aktiviti mengikut pilihan mereka seperti

<sup>94</sup> Maklumat ini diperolehi melalui perbualan dengan guru penasihat Pasukan Hoki MATRI, ustaz Shaari bin Awang, *op.cit.*

<sup>95</sup> Beliau ialah Ustaz Fakhrorazi bin Abdul Latif, guru penasihat pasukan bola sepak Sekolah Menengah Kebangsaan Perlis, Kangar, Perlis (tempat penulis bertugas)

berjoging dan bermain permainan seperti bola sepak, sepak takraw, sepak raga dan hoki. Pelajar-pelajar puteri menjalankan aktiviti permainan di dalam kawasan asrama yang ditutupi sekelilingnya dengan pagar zink.

### c. Aktiviti Kecergasan yang Dijalankan Secara Berkala

Antara aktiviti kecergasan yang dijalankan secara berkala ialah Kem Bina Insan Pelajar Tingkatan Satu (Putera dan Puteri). Program ini adalah sebahagian daripada program suaikenal pelajar tingkatan satu. Ia biasanya diadakan pada pertengahan bulan Januari dan biasanya diadakan selama seminggu. Sebagai contoh, bagi tahun 2002, ia dijalankan pada 12-15 Januari 2002 bagi pelajar putera dan 16-19 Januari 2002 bagi pelajar puteri dengan menyewa chalet di Pantai Tengkorak, Pulau Langkawi.<sup>96</sup> Pada tahun 2003 program ini diadakan pada 1-4 Februari 2003 bagi pelajar putera dan 4-7 Februari 2003 bagi pelajar puteri, juga di Pulau Langkawi.<sup>97</sup>

Di samping itu program-program berbentuk *outdoor* juga diadakan di Pusat Rekreasi dan Motivasi Wang Mu yang merupakan milik MATRI. Program-program tersebut diadakan untuk ahli-ahli persatuan beruniform<sup>98</sup> dan kumpulan-kumpulan pelajar yang terpilih seperti Kem Bahasa Arab untuk pelajar

<sup>96</sup> Maklumat ini berdasarkan borang maklumat yang diisi oleh Kaunselor MATRI, En. Shahid Amin pada 15 November 2003.

<sup>97</sup> "Buku Panduan Guru MATRI Tahun 2003", h.18

<sup>98</sup> Maklumat ini diperolehi daripada anak penulis, Taqiyah Khadijah binti Ghazali, *op.cit*.yang merupakan ahli Persatuan Puteri Islam Malaysia MATRI dan telah beberapa kali menyertai perkhemahan di Wang Mu.

tingkatan tiga yang diadakan pada pertengahan tahun 2002 dan Program Cemerlang Akademik dan Sahsiah Terpuji yang diadakan semasa cuti sekolah pada bulan Jun 2003.<sup>99</sup>

#### **d. Pusat Rekreasi dan Motivasi Wang Mu:**

Perkara ini dimasukkan dalam penulisan ini kerana ia memainkan peranan yang penting dalam pendidikan fizikal pelajar-pelajar MATRI. Pusat ini ditubuhkan pada 13 Mac 2001, terletak di Wang Mu, Jalan Kaki Bukit, Perlis<sup>100</sup> dengan objektif untuk memantapkan pendidikan fizikal melalui program-program pendidikan luar (*outdoor education*). Pusat ini telah didaftarkan secara rasmi dan disewakan kepada pengguna yang berminat bagi menambah sumber pendapatan MATRI.<sup>101</sup>

#### **xii. Program Kepimpinan**

Kepimpinan adalah sebagai daya penggerak yang membuat orang lain mengikut. Ia adalah satu corak hubungan yang mclaluinya seseorang itu mempunyai kemampuan untuk mempengaruhi orang lain melalui pemikiran, perlakuan dan tindakan.<sup>102</sup> Program Kepimpinan sangat penting kerana ia merupakan *wasilah*

<sup>99</sup> Maklumat ini diperolehi daripada anak penulis, Ali Husni Shariati bin Ghazali, *op.cit.* yang turut menyertai program-program tersebut.

<sup>100</sup> Pusat ini terletak kira-kira 10 kilometer daripada MATRI, menghala ke utara, arah pekan Kaki Bukit, Perlis.

<sup>101</sup> Maklumat ini diperolehi daripada borang maklumat yang diisi oleh Kaunselor MATRI, En.Shabid Amin, *op. cit.*

<sup>102</sup> Robiah Kulop Hamzah (1993), *Remaja dan Kepimpinan Persatuan*. Kuala Lumpur: DBP, h. 3

pendidikan bagi melahirkan bakal pemimpin. Program ini boleh dibahagikan kepada kepada dua iaitu program tidak formal dan formal:

#### **a. Program Tidak Formal**

Program ini adalah dalam bentuk penyertaan dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak-pihak tertentu seperti Jabatan Pendidikan Negeri Perlis. Dengan cara ini dapat membiasakan pelajar dengan daya kepimpinan dan membiasakan mereka berhadapan dengan khalayak umum. Selain daripada penyertaan dalam aktiviti persatuan beruniform, sukan dan permainan yang telah dinyatakan, MATRI juga menyertai aktiviti Hari pendidikan Islam Peringkat Zon Utara dan Peringkat Negeri Perlis, Bahas Ala Parlimen Peringkat Zon Utara dan Peringkat Negeri Perlis dan Kuiz Koperasi Peringkat Zon B.<sup>103</sup>

#### **b. Program Formal**

Program-program ini berbentuk program khas yang diadakan kepada kelompok pelajar MATRI yang ada bakat kepimpinan. Antara program tersebut ialah:

---

<sup>103</sup> Maklumat ini diperolehi daripada Laporan Pencapaian Pelajar Dalam Aktiviti Kokurikulum yang disampaikan oleh Penolong Kanan (Kokurikulum), En Osman Arof, *op.cit.*

### **b(i). Pengawas**

Pengawas adalah pelajar-pelajar yang dipilih untuk membantu guru-guru disiplin dan pihak sekolah mengawal disiplin pelajar. Dengan menjadi pengawas, pelajar-pelajar berkenaan dapat melatih sifat bertanggungjawab, kepemimpinan dan kepekaan terhadap disiplin dan peraturan. Di samping pengetahuan yang mereka perolehi melalui pengalaman mengawasi pelajar, mereka juga diberikan kursus untuk menambahkan kecekapan mereka seperti Kursus Kepimpinan Pengawas pada 16-23 Mac 2002, Seminar Pengawas pada 21 Mei 2002,<sup>104</sup> Kem Pengawas pada 25-25 Januari 2003 dan Kursus Pengawas pada 19-20 April 2003.<sup>105</sup>

### **b(ii). Pembantu Mentor atau Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)**

Program Pembantu Mentor atau Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) diwujudkan pada tahun 1999 dengan tujuan untuk melahirkan kumpulan teras yang akan menjadi *role model* serta mampu membina arus pendidikan di MATRI ke arah merangsangkan suasana positif dan persekitaran yang *tarbawi*. Ahlinya terdiri daripada pelajar-pelajar putera dan puteri yang berdaya kepimpinan yang tinggi seramai 55 orang. Peranan utama PRS ialah membantu mentor dalam pengendalian Program Mentor Mentee. Dengan cara ini mereka mendapat:

<sup>104</sup> Maklumat ini diperolehi daripada borang maklumat yang diisi oleh Kaunselor MATRI, En Shahid Amin, *op.cit.*

<sup>105</sup> "Buku Panduan Guru MATRI Tahun 2003", h. 18-19

- (i) Pengalaman dalam proses memberikan bimbingan kepada pelajar-pelajar yang lebih muda serta berfungsi sebagai pembimbing rakan sebaya (PRS).
- (ii) Melatih rasa tanggung jawab terhadap para pelajar yang lebih muda seperti menjadi *qudwah Ibasanah* dan memberi nasihat kepada mereka.<sup>106</sup>

Di samping pengalaman praktikal, mereka juga diberi kursus untuk menambahkan keyakinan diri dan kecekapan mereka seperti Kursus Motivasi dan Pengurusan Bagi Pembantu Mentor/ PRS pada 20-21 April 2001 dan Program Pemantapan Sahsiah pada 26-28 Julai 2002.<sup>107</sup> Walaubagaimanapun program PRS putera tidak aktif sejak bulan Januari 2003. Program PRS puteri masih berjalan sampai sekarang (September 2003).<sup>108</sup> Bagi para pelajar putera yang pernah menjadi PRS, mereka menganggap program ini sangat baik bagi mengasuh bakat kepimpinan mereka dalam bidang pendidikan atau tarbiah.<sup>109</sup> Usaha sedang dijalankan untuk memulihkan semula fungsi badan ini memandangkan ia sangat

<sup>106</sup> Temubual dengan Muhd. Suheil bin Muhammad Rubani, salah seorang ahli PRS pada 12 Ogos 2003 di Surau MATRI, pukul 10.45 malam.

<sup>107</sup> Maklumat ini berdasarkan borang maklumat yang diisi oleh Kaunselor MATRI, En. Shahid Amin, *op.cit.*

<sup>108</sup> Maklumat ini diperolehi daripada anak penulis, Taqiyah Khadijah binti Ghazali, *op.cit.*

<sup>109</sup> Maklumat ini berdasarkan perbualan dengan sekumpulan pelajar yang pernah menjadi ahli PRS pada 15 Ogos 2003 di Surau MATRI pada pukul 9.30 malam. Mereka yang hadir ialah Sdr. Muhd. Suheil bin Rubani, Abu Ubaidah bin Musa, Mohd Shafik bin Che' Ani (kesemua mereka ialah pelajar Marhalah Khassah II), Sdr. Zubair bin Othman, Sdr. Ali Hanifah bin Anuar (mereka adalah pelajar Marhalah Khassah I) dan Sdr. Wan Nahar bin Othman, bekas pelajar MATRI yang belajar di IKIP, Pahang.

penting dalam membina sifat kepemimpinan dan sumbangannya terhadap pendidikan pelajar.<sup>110</sup>

### **b(iii). Ahli Jawatan Kuasa Surau MATRI**

AJK Surau terdiri daripada pelajar asrama yang dipilih untuk membantu pihak sekolah mengendalikan aktiviti di surau seperti solat berjemaah, bacaan dan hafazan al-Quran, bacaan *al-ma'thūrat* dan sebagainya. Daripada penglibatan ini, mereka mendapat pengalaman praktikal menjadi bilal, imam solat, penyampai tazkirah, pemimpin bacaan al-Quran dan bacaan *al-ma'thūrat* dan sebagainya.

### **xii. Program Kemahiran Hidup**

Pendidikan kemahiran merupakan pelengkap kepada sesuatu sistem pendidikan. Manusia perlu menguasai kemahiran agar dapat memenuhi keperluan kehidupan mereka. Umat Islam perlu menguasai bidang kemahiran agar dapat menjalani kehidupan dengan baik di dunia seterusnya dapat pula menggunakan kehidupan di dunia itu untuk memartabatkan agama Islam. Untuk memenuhi keperluan ini MATRI telah mengambil langkah-langkah yang perlu dengan mengadakan beberapa aktiviti pendidikan kemahiran iaitu:

<sup>110</sup> Maklumat ini berdasarkan perbualan dengan kaunselor MATRI En. Shahid Amin pada 17 Julai 2003 di Surau MATRI pada kira-kira puluk 10.15 malam. MATRI telah mengambil usaha yang positif dengan menggerakkan semula program ini. Kursus Kepimpinan Siri Pertama telah diadakan pada 23-25 Januari di Kem Rekreasi dan Motivasi Wang Mu. Maklumat ini diperolehi daripada En.

• Azmi bin Bahari, kem komandan program tersebut melalui perbualan dengan beliau pada 25 Januari 2004 di tempat program. Menurut beliau, terdapat empat siri program kepimpinan yang dirancangkan sepanjang tahun 2004

### **a. Kelas Kemahiran hidup**

MATRI mengendalikan kelas-kelas Kemahiran Hidup Bersepadu dalam jadual waktu persekolahannya. Selain memenuhi keperluan KBSM, ia juga memberikan asas kemahiran hidup kepada para pelajarnya.

### **b. Koperasi Sekolah**

Koperasi MATRI adalah antara koperasi sekolah yang aktif di negeri Perlis. Ia telah didaftarkan dengan Jabatan Pembangunan Koperasi (JKM) dan ANGKASA. Kursus-kursus juga telah diadakan dengan kerjasama ANGKASA bagi pelajar-pelajar tingkatan satu dan dua. Melalui koperasi, para AJK koperasi (daripada kalangan pelajar) dapat mempelajari kemahiran pengurusan perniagaan dan jualan melalui aktiviti jualan barang-barang keperluan harian dan minuman.<sup>111</sup>

### **c. Ekspo Pendidikan MATRI**

Ekspo Pendidikan MATRI dimasukkan ke dalam kategori program kemahiran hidup kerana ia juga memberi peluang kepada pelajar untuk melatih diri mereka dengan aktiviti jualan. Para pelajar digalak menjalankan jualan semasa ekspo MATRI sama ada secara berkumpulan, atas nama persatuan ataupun membantu guru-guru dan ibu bapa yang menguruskan gerai jualan. Di samping itu mereka

---

<sup>111</sup> Maklumat ini diperolehi daripada En.Azmi bin Bahari, guru penasihat koperasi MATRI melalui perbualan dengan beliau pada 4 Ogos 2003, jam 6.00 petang di koperasi MATRI.

juga berpeluang menimba pengalaman dalam hal-hal pengurusan dan ketukangan kerana mereka dikehendaki membantu guru-guru dalam menyediakan keperluan ekspo seperti siaraya, tapak ekspo, pemasangan khemah, penyediaan hidangan dan sebagainya.<sup>112</sup> Sebenarnya ekspo ini mempunyai beberapa objektif yang amat berkaitan dengan pendidikan iaitu:

- (i) Memberi peluang dan latihan kepada pelajar-pelajar supaya menggunakan bakat semula jadi yang telah dikurniakan kepada mereka semaksima mungkin.
- (ii) Memperkenalkan MATRI kepada masyarakat umum sebagai institusi yang mendidik dan membentuk pelajar-pelajarnya untuk menjadi pewaris para Nabi.
- (iii) Memupuk silaturahim di kalangan pengunjung.
- (iv) Mengumpulkan berbagai institusi kerajaan dan swasta untuk menyebar maklumat terkini dalam berbagai bidang.
- (v) Mengajak masyarakat supaya memberi sumbangan dan sokongan dalam berbagai bentuk yang boleh membantu membangunkan MATRI.<sup>113</sup>

Sehingga tahun 2002 Ekspo Pendidikan MATRI telah diadakan sebanyak enam kali iaitu; ekspo pertama pada 25 dan 26 Disember 1992, ekspo ketiga pada 23 hingga 25 Disember 1994, ekspo ke-empat pada 21-23 Mei 1997, ekspo ke-lima yang dikenali sebagai Ihtifal Satu Dekad MATRI pada 3-5 September 1998 dan

\*<sup>112</sup> Maklumat ini adalah berdasarkan pemerhatian penulis yang telah menyertai beberapa ekspo pendidikan MATRI.

<sup>113</sup> "Buku Panduan Ekspo Pendidikan MATRI pada 21-23 Mei 1997", h.2

ekspo ke-enam pada 26-28 Mei 2000.<sup>114</sup> Oleh sebab masalah kewangan, ekspos pendidikan seterusnya tidak diadakan buat sementara waktu.

#### **d. Jualan Semasa Aktiviti Tertentu.**

Selain pengalaman berniaga ketika Ekspo Pendidikan MATRI, pelajar-pelajar MATRI juga berpeluang menimba pengalaman dalam urusan perniagaan semasa program-program tertentu yang dijalankan dari masa ke semasa seperti Hari Kokurikulum MATRI, Hari Keluarga dan Kecemerlangan MATRI dan sebagainya.

#### **xii. Program ziarah**

Program ziarah merupakan metode pendidikan tidak formal yang dapat membantu pelajar dalam proses memasyarakat diri mereka dalam persekitaran setempat. Program ini biasanya dibuat oleh guru-guru atau ibu bapa yang menjadi mentor pelajar. Mereka membawa pelajar yang menjadi mentee mereka ke rumah untuk berkenalan dengan ahli keluarga yang lain dan menjamu selera. Dengan cara ini pelajar dapat mengenali masyarakat dan menjalin *ukhuwwah* dengan mentor mereka dan ahli keluarga mentor tersebut.

---

<sup>114</sup> Tarikh-tarikh ini diperolehi daripada muka hadapan "Buku-buku Cenderamata Ekspos Pendidikan MATRI" tahun-tahun berkenaan yang diperolehi daripada koleksi sahabat penulis, En. Abdul Latif bin Nazardin. Tarikh ekspo yang kedua tidak dapat dikenalpasti kerana tidak ditemui buku cenderamata ekspo berkenaan dan catatan mengenainya.

#### **4.3.6 Hubungan Sekolah dan Rumah dalam Pelaksanaan Pendidikan Pelajar**

Oleh sebab pendidikan itu merupakan sesuatu yang berterusan, maka pihak MATRI berhasrat agar pendidikan yang diterima di sekolah dapat diteruskan oleh ibu bapa di rumah sekiranya pelajar pulang bercuti. MATRI biasanya memberikan surat kepada ibu bapa untuk memberikan garis panduan kepada ibu bapa tentang apa yang patut dilakukan oleh pelajar ketika pulang bercuti.<sup>115</sup> Disamping itu pihak sekolah telah mengadakan berjumpaan atau majlis dialog dengan ibu bapa ketika hari kecemerlangan pelajar. Pihak sekolah juga mengepos keputusan peperiksaan ke rumah untuk perhatian ibu bapa.

#### **4.3.7 Kesan Pelaksanaan Pendidikan di MATRI**

Kesan pelaksanaan pendidikan ini boleh dilihat dalam tiga aspek iaitu; kesan terhadap sahsiah pelajar, kesan terhadap pencapaian akademik dan kokurikulum serta kesan dalam menyelesaikan masalah disiplin:

##### **i. Kesan Terhadap Sahsiah dan Disiplin Pelajar**

Hasil daripada pelaksanaan pendidikan di MATRI, telah berjaya melahirkan pelajar-pelajar yang dikagumi dari segi sahsiah atau keperibadian dan budi pekerti mereka. Hal ini adalah berdasarkan beberapa maklumat yang diperolehi:

---

<sup>115</sup> Contoh surat berkenaan disertakan dalam lampiran E

### **a. Pergerakan Pelajar Dapat Dikawal**

MATRI tidak mempunyai pagar pada setiap penjurunya. Pagar hanya dibuat di bahagian bersebelahan Taman Melati Indah tetapi pintu pagarnya dibuka sehingga jam 12.00 malam untuk kemudahan bagi penduduk berdekatan mengambil jalan pintas ke kampung-kampung dan jalan besar yang berhampiran. Pada bahagian lain tidak dipagari. Sungguhpun MATRI tidak berpagar sepenuhnya, namun pelajar-pelajarnya tidak mengambil kesempatan untuk keluar sewenang-wenangnya dari kawasan sekolah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa disiplin pelajar adalah terkawal walaupun kawasan sekolah tidak dipagari sepenuhnya.<sup>116</sup>

### **b. Sahsiah Pelajar**

Pelaksanaan pendidikan di MATRI juga telah berjaya melahirkan sebahagian besar pelajar yang memiliki sahsiah dan akhlak yang baik. Pergaulan antara pelajar putera dan pelajar puteri dapat disekat. Para pelajar mematuhi peraturan yang menetapkan bahawa pelajar putera dan puteri tidak boleh berhubung antara satu sama lain.<sup>117</sup> Pemerhatian terhadap pelajar MATRI ketika *outing*<sup>118</sup> pada hujung minggu di pekan Kangar menunjukkan mereka tidak mengambil peluang berhubung antara satu sama lain seperti yang biasa berlaku di kalangan remaja hari

<sup>116</sup> Maklumat ini berdasarkan pemerhatian penulis yang hampir setiap hari keluar masuk kawasan sekolah mengambil dan menghantar anak penulis, Taqiyah Khadijah, *op.cit.* yang tidak tinggal di asrama. Hal yang sama juga penulis perhatikan pada waktu malam, ketika penulis menghantar dan mengambil anak penulis yang hadir kelas tambahan.

<sup>117</sup> Kecualian diberikan untuk saudara kandung berjumpa.

<sup>118</sup> Pelajar dibenarkan keluar dari kawasan sekolah pada hari jumaat setiap dua minggu sekali dari jam 2.00 petang hingga 6.00 petang. Pelajar putera dan puteri tidak keluar pada minggu yang sama.

ini.<sup>119</sup> Pemerhatian di stesen kereta api Arau, Perlis ketika pelajar putera dan puteri pulang bercuti juga menunjukkan mereka tidak mengambil peluang untuk berhubung antara satu sama lain. Pengurus Pusat Tasyen A-One di Taman Haz Permai berhampiran MATRI, En.Rosli bin Abdullah dalam perbualannya dengan penulis memberi komen yang positif terhadap akhlak pelajar-pelajar MATRI yang mengikuti kelas tasyennya. Berdasarkan pemerhatian beliau, pelajar-pelajar MATRI yang mengikuti kelas tasyennya mempunyai akhlak yang baik, tidak berbuat bising dan tidak mengambil kesempatan untuk cuba berkomunikasi dengan pelajar-pelajar perempuan yang lain.<sup>120</sup> Seorang rakan sejawatan penulis, En.Ahmad Yatim<sup>121</sup> yang menghantar anaknya belajar di Taski Ummu Aiman<sup>122</sup> juga memberi pujian terhadap akhlak pelajar-pelajar MATRI.

Kesan pendidikan terhadap pembinaan sahsiah pelajar juga diakui oleh para pelajar sendiri. Hal ini adalah berdasarkan soal selidik yang dikemukakan kepada 31 orang pelajar tingkatan lima di mana 27 orang daripada mereka atau 87.1 peratus menyatakan bahawa pendidikan di MATRI telah memberikan kepada mereka kefahaman tentang Islam dan mengubah diri mereka kepada sifat-sifat yang lebih baik.<sup>123</sup>

<sup>119</sup> Mereka mudah dikenali kerana memakai pakaian khas asrama ketika keluar kawasan sekolah.

<sup>120</sup> Perbualan dengan beliau pada 3 Mei 2003, jam 9.00 malam di pusat tasyen beliau.

<sup>121</sup> Beliau bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Perlis dan tinggal di Kawasan Beseri, tidak jauh daripada MATRI.

<sup>122</sup> Taski ini terletak dalam kawasan MATRI.

<sup>123</sup> Soal selidik ini dilakukan di kalangan pelajar tingkatan lima pada 21 November 2003, jam 11.00 pagi di Dewan Makan MATRI ketika Majlis Taklimat Permohonan ke IPT yang diadakan selepas pelajar-pelajar menuduhudi kertas terakhir peperiksaan SPM.

## **ii. Kesan Terhadap Pencapaian Akademik dan Kegiatan Ko-kurikulum**

Pelajar MATRI telah menunjukkan pencapaian yang membanggakan dalam peperiksaan PMR, SPM dan STAM. Dalam peperiksaan PMR tahun 2002 seramai 96.9 peratus pelajar yang lulus dengan 14 orang mendapat 9A, 7 orang mendapat 8A dan 14 orang mendapat 7A (jumlah 35 orang).<sup>124</sup> Dalam peperiksaan SPM tahun 2002, 100 peratus pelajar yang lulus dengan 29 orang mendapat antara 9A dan 5A.<sup>125</sup> Dalam STAM tahun 2002 pula 87.5 peratus pelajar yang lulus dengan 25.0 peratus mendapat *mumtaz* (cemerlang), 50.0 peratus mendapat *jayyid jiddan* (amat baik) dan 12.5 peratus mendapat *maghrib* (lulus).<sup>126</sup>

Berdasarkan soal selidik yang dibuat terhadap pelajar tingkatan lima, 20 orang daripada 31 orang responden atau 64.5 peratus menyatakan bahawa faktor utama yang mendorong mereka belajar bersungguh-sungguh ialah kefahaman Islam yang dipelajari di MATRI yang menuntut para pelajar belajar bersungguh-sungguh untuk memartabatkan Islam.<sup>127</sup> Begitu juga halnya dengan penyertaan dan kejayaan yang telah dicapai oleh pelajar MATRI dalam kegiatan kokurikulum adalah hasil dorongan untuk menyampaikan dakwah Islam secara amali kepada masyarakat serta mengetengahkan MATRI sebagai sekolah yang boleh dicontohi dalam pelbagai aspek.

<sup>124</sup> Keputusan penuh disertakan dalam lampiran F.

<sup>125</sup> Keputusan penuh disertakan dalam lampiran G.

<sup>126</sup> Keputusan penuh disertakan dalam lampiran H. "Laporan dan Analisa Peperiksaan Ma'had at-Tarbiyyah al-Islamiyyah (MATRI) Tahun 2002", h. 9-20

<sup>127</sup> Soal selidik di lakukan di kalangan pelajar tingkatan lima, *op.cit.*

### **iii. Kesan Dalam Menyelesaikan Masalah Disiplin**

Penulis mendapati wajar ditonjolkan dalam kajian ini bagaimana pendidikan digunakan sebagai *wasiyyah* untuk menyelesaikan masalah disiplin. Hal ini berdasarkan peristiwa kecurian wang sebanyak RM250.00 yang berlaku di Dorm Huffaz pelajar tingkatan satu pada bulan September 2003. Pelajar-pelajar Marhalah Khassah I yang dipertanggungjawabkan untuk mengawasi dorm berkenaan telah berusaha menyelesaikan kes tersebut melalui program pendidikan yang dinamakan “Kursus Kefahaman Islam untuk Mengatasi Masalah Kecurian.” Kursus itu diadakan selama seminggu di luar waktu persekolahan di surau MATRI untuk semua penghuni dorm tersebut. Aktiviti yang dibuat ialah pelajar-pelajar dibahagikan kepada beberapa bengkel atau *halalah* yang dipimpin oleh seorang pelajar Marhalah Khassah I. Ketua bengkel menjelaskan matlamat belajar di MATRI, matlamat hidup seorang Muslim serta keburukan mencuri. Hasilnya wang yang dicuri itu telah diletakkan secara senyap-senyap ke dalam meja bendahari dorm tersebut.<sup>128</sup> Walaupun pencurinya tidak dapat dikesan, namun sekurang-kurangnya usaha penyelesaian yang dibuat melalui kursus kefahaman selama seminggu itu telah dapat menimbulkan kesedaran tentang keburukan mencuri.

• <sup>128</sup> Maklumat ini diperolehi daripada anak penulis, Umar Mauhajir bin Ghazali, *op.cit.* yang tinggal di dorm terebut. Penulis juga sempat memperhatikan pelaksanaan kursus kefahaman tersebut ketika penulis menziarahi dua orang anak penulis yang tinggal di asrama MATRI

## **4.4 Analisa Terhadap Pelaksanaan Pendidikan Remaja di MATRI**

Dalam bahagian ini penulis menganalisa data yang diperolehi berdasarkan analisa SWOT<sup>129</sup> iaitu menilai situasi dalaman organisasi berdasarkan kekuatannya (*strengths*) dan kelemahannya (*weaknesses*) dan situasi luarannya berdasarkan peluang yang ada (*opportunities*) dan ancaman terhadapnya (*threats*).

### **4.4.1 Kekuatan**

MATRI memiliki beberapa kekuatan yang boleh dimanfaatkan untuk kemajuan tarbiahnya. Antara kekuatan tersebut adalah kekuatan di sebalik sejarah penubuhannya, sejarah pendidikannya, matlamat penubuhannya, sikap bekerja guru-gurunya, tenaga penggerak tarbiahnya, *manhāj* tarbiahnya dan program-program tarbiah yang dilaksanakan:

#### **(i) Sejarah Penubuhan MATRI**

Penubuhan Matri mempunyai sejarah yang panjang. Era praMATRI iaitu semasa pengajian di Surau Tanjung Gorah merupakan pengalaman berharga. Sejarah penubuhan MATRI mempunyai keunikannya yang tersendiri kerana dipenuhi dengan pelbagai bentuk sumbangan dan pengorbanan; sumbangan idea dan

---

<sup>129</sup> Analisa SWOT adalah alat analisa strategik yang digunakan oleh kebanyakan institusi pengurusan bagi menentukan situasi semasa institusi berkenaan dari aspek dalamannya (*strengths and weaknesses*) dan aspek luarannya (*opportunities and threats*). Situasi ini kemudian digunakan untuk menentukan matlamat organisasi pada masa hadapan.

pengorbanan masa, tenaga, wang ringgit dan harta. Ia merupakan kekuatan kepada MATRI kerana menyumbangkan semangat dan garis panduan yang boleh dimanfaatkan dalam proses pelaksanaan pendidikan di MATRI.

## **(ii) Sejarah Pendidikan MATRI**

Sejarah pendidikan MATRI adalah kekuatan bagi MATRI kerana ia adalah hasil pemikiran yang lama dan mendalam oleh Tuan Haji Dahlan bin Mohd.Zain, sejak beliau masih belajar di Universiti Baghdad lagi iaitu sekitar tahun 1960an. Hasilnya beliau telah mengambil inisiatif untuk mengeksperimen falsafah dan konsep itu di kalangan anak-anak muridnya semasa era pengajian di Surau Tanjong Gorah. Hasil daripada eksperimen itu beliau berjaya memperkenalkan konsep pendidikan atau tarbiah yang *syūfiyyah*. Konsep pendidikan tersebut menekankan kepada pendidikan keimanan yakni keimanan perlu diproses hingga ia menjadi tenaga penggerak untuk melahirkan natijah dalam bentuk amalan. Konsep pendidikan ini kemudiannya diterapkan di MATRI . Proses mengeksperimen ini juga merupakan tahap mengumpul *ansār* yang memahami falsafah dan konsep pendidikan yang beliau ketengahkan itu. Mereka kemudiannya menjadi tenaga penting dalam proses pembangunan MATRI dan pelaksanaan pendidikan di dalamnya.

Pemilihan nama sekolah ini sebagai "Ma'had al-Tarbiyah al-Islāmiyah" juga mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Ia menggambarkan keseimbangan antara

pendidikan akademik dan pendidikan Islam sedangkan pada ketika penubuhannya institusi pendidikan banyak menekankan kepada pendidikan akademik. Di samping itu syiar MATRI “Ulamak Pewaris Nabi” yang digunakan sehingga tahun 2002 juga memperlihatkan kekuatannya yang tersendiri. Ia memperlihatkan kepada masyarakat akan hasratnya untuk melahirkan pelajar-pelajar yang alim dalam ilmu syarak di samping menguasai ilmu-ilmu semasa. Sesungguhnya sejarah pendidikan MATRI dapat memberikan pengajaran, pendorong dan semangat kepada guru-guru dan pelajar-pelajar MATRI. Adalah sangat baik jika sejarah pendidikan ini sering diperkatakan kepada para pelajar dan guru kerana sejarah mengandungi peristiwa yang boleh dijadikan pengajaran.

### **(iii) Matlamat Penubuhan MATRI**

Matlamat penubuhan MATRI juga merupakan kekuatan bagi MATRI kerana MATRI mempunyai matlamat penubuhan yang jelas menekankan kepada pendidikan untuk membentuk keperibadian Muslim seperti yang dinyatakan dalam matlamatnya yang ketiga iaitu “mendidik pelajar-pelajar MATRI dengan didikan Islam yang sempurna dan menyeluruh melalui proses yang disediakan” dan matlamat yang keempat iaitu “melahirkan muslim dan muslimah yang *multazim* (komited) dengan ajaran akhlak Islam dalam kehidupan meraka”. Dengan adanya matlamat yang jelas pendidikan akan dapat dijalankan seperti yang direncanakan kerana guru-guru yang memahami matlamat pendidikan adalah seperti orang yang berjalan di atas jalan yang selamat, jalan yang boleh menyampaikannya kepada

tempat tujuannya. Ia akan berusaha sedaya upaya untuk mengenali jalan serta tanda-tandanya, sebelum ia memulakan perjalanan agar tidak terkeliru, tidak terbuang tenaga dan tersia masanya.<sup>130</sup>

#### **(iv) Sikap Bekerja Guru-Guru MATRI**

Etika kerja digariskan dengan jelas dalam Buku Panduan Panduan Guru MATRI; penekanan kepada konsep amanah, '*ubudiyah*' dan pengorbanan telah mampu melahirkan barisan guru MATRI yang rajin menjalankan tugas mereka terhadap sekolah serta mampu bekerja sebagai satu pasukan. Berdasarkan pemerhatian dan pergaulan dengan guru-guru MATRI, *ukhuwwah* di kalangan mereka adalah sangat baik. Situasi guru-guru sebegini adalah satu kekuatan kerana dapat membentuk enviromen sekolah yang subur bagi pelaksanaan pendidikan.

#### **(v) Tenaga Penggerak Pendidikan**

MATRI mempunyai sumber tenaga penggerak pendidikan yang banyak iaitu guru yang mempunyai semangat yang tinggi,<sup>131</sup> ibu bapa yang bersedia memberikan sumbangan tenaga dan kepakaran,<sup>132</sup> bekas-bekas pelajar MATRI yang bergabung dalam Persatuan Lepasan MATRI (PLM) dan pelajar-pelajar yang berpotensi

<sup>130</sup> Mustafa Masyhur (1987), *Jalan Da'wah Antara Keaslian dan Penyelewengan*. Mohd. Yusuf Ismail (terj.), c.2. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar. h. 12

<sup>131</sup> Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, guru-guru MATRI rajin mengadakan kelas-kelas tambahan, termasuklah pada waktu malam.

\*<sup>132</sup> Dalam majlis dialog ibu bapa bersama pengurusan MATRI sempena Hari Ibu Bapa dan Kecemerlangan MATRI 2003 pada 5 Julai 2003, terdapat ibu bapa yang menyatakan kesediaan mereka untuk menyumbangkan tenaga dan kepakaran secara sukarela dalam membantu pendidikan di MATRI.

menjadi bakal pemimpin dan pembimbing rakan sebaya. Keempat-empat sumber tenaga ini merupakan kekuatan yang jika diurus dan dimanfaatkan sepenuhnya akan menjadi tenaga yang amat berharga dalam proses pelaksanaan pendidikan di MATRI.

#### **(vi) *Manhāj* Pendidikan MATRI**

Berdasarkan temubual dengan Mudir MATRI, Tuan Haji Dahlan bin Mohd.

Zain,<sup>133</sup> beliau dengan jelas menyatakan bahawa *manhāj* pendidikan di MATRI berdasarkan al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Kajian terhadap al-Quran dan dakwah Rasulullah s.a.w. telah membawa beliau memberikan tumpuan kepada beberapa perkara penting dalam pendidikan dan mengetepikan perkara yang remeh-temeh. Antara penekanan atau tumpuan utama tersebut adalah pembentukan keimanan yang mendalam, kefahaman yang sebenar, kerja yang berterusan dan pengurusan yang rapi. Kejelasan *manhāj* dan tumpuan ini juga merupakan kekuatan bagi MATRI kerana jika dihayati betul-betul akan dapat mengelakkan daripada penyimpangan dan terbuangnya masa serta tenaga .

#### **(vii) Program-program Pendidikan yang Dilaksanakan**

Program-program pendidikan yang dilaksanakan di MATRI adalah pelbagai, mencakupi hampir semua fakulti kemanusiaan dan dilaksanakan secara berterusan.

- Ia meliputi:

<sup>133</sup> Temubual dilakukan Pada 25 Oktober 2002, *op.cit.*

**a. Program pendidikan keimanan dan kerohanian**

- (i) Solat berjamaah
- (ii) *Tilâwah* al-Quran
- (iii) Hafazan al-Quran
- (iv) Bacaan wirid *al-Ma'thûrât*
- (v) *Qiyâm al-lail*

**b. Program pendidikan fikrah (pemikiran)**

- (i) Kuliah mingguan
- (ii) Program mentor-mentee
- (iii) Kursus dan Bengkel kefahaman Islam

**c. Program pendidikan kemasyarakatan**

- (i) gotong-royong
- (ii) program ziarah

**d. Program pendidikan fizikal**

- (i) Aktiviti kecergasan
- (ii) Aktiviti *outdoor*

**e. Program pendidikan kepimpinan**

- (i) Program Pengawas
- (ii) Program Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)
- (iii) Program AJK Surau

**f. Program pendidikan kemahiran hidup**

- (i) Kelas kemahiran hidup
- (ii) Aktiviti koperasi sekolah
- (iii) Ekspo Pendidikan MATRI
- (iv) Galakan terhadap pelajar menjalankan jualan semasa aktiviti-aktiviti tertentu.

Kerja-kerja pendidikan yang berbentuk pelbagai dan dijalankan secara beransur-ansur dan berterusan dapat membentuk keperibadian muslim dan seterusnya membentuk masyarakat muslim.<sup>134</sup> Semua kekuatan yang dimiliki harus dimanfaatkan sepenuhnya, tidak dipersiakan, kerana keberkesanan pelaksanaan pendidikan memerlukan penggembelingan semua kekuatan yang dimiliki.

---

<sup>134</sup>Mustafa Masyhur (1985), *Jalan Dakwah*. Hj.Mohd Tahir Daeng Mengati (terj). Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 9

#### 4.4.2 Kelemahan

Tujuan dibincangkan aspek kelemahan ini bukanlah untuk mencari kelemahan MATRI tetapi adalah dalam rangka untuk ingat-mengingati ke arah kebaikan kerana wasiat –mewasiati ke arah kebaikan adalah merupakan saranan al-Quran . Memberi peringatan yang berfaedah serta nasihat kepada para mukmin dapat menghindarkan diri daripada lupa dan leka.<sup>135</sup> Berdasarkan pemerhatian dan pergaulan penulis dengan warga MATRI didapati beberapa kelemahan dalam pelaksanaan pendidikan di MATRI, antaranya ialah:

##### (i) Kurang Pengawasan Terhadap Program yang Dijalankan di Surau

MATRI mempunyai kelebihan dalam pelaksanaan program pendidikannya kerana terdapat kepelbagaian program pendidikan yang dijalankan dan ia dijalankan secara berterusan. Namun sebagai manusia biasa, ia tidaklah sunyi daripada kelemahan. Pelaksanaan program pendidikan di surau iaitu solat berjamaah, *halaqah al-Qur'an*, hafazan al-Quran dan bacaan *al-ma'thūrāt* adalah longggar. Berdasarkan pemerhatian, ada kalanya Penolong Kanan (Tugas-tugas Khas), Tuan Haji Abdul Hadi bin Osman sendiri yang membuat pengawasan. Tetapi disebabkan kesibukan beliau, pengawasan tidak dapat dilakukan secara berterusan. Dalam kebanyakan masa tiada guru atau petugas dari kalangan orang dewasa yang ditugaskan mengawasi para pelajar. AJK Surau juga adalah dari kalangan pelajar, maka sudah

<sup>135</sup> Mustafa Masyhur (1985). *Bekalan di Dalam Perjalanan Dakwah*. Hj.Mohd Tahir Daeng Mengati (terj). Kuala Lumpur: Pustaka Salam, h. 19

tentulah mereka tidak dapat mengawal para pelajar dengan berkesan. Hal ini menyebabkan terdapat sebahagian kecil pelajar yang mengambil kesempatan untuk datang lewat, bercakap-cakap semasa program dijalankan, duduk dalam keadaan yang kurang tertib dan keluar awal daripada masa yang sepatutnya. Walaupun bilangan pelajar yang terlibat tidak ramai, ia boleh menjadi model yang tidak baik bagi pelajaran lain khasnya pelajar yang berada di tingkatan satu dan dua.

Para pelajar yang dilantik sebagai pengendali sesuatu program di sekolah hanyalah boleh bertindak sebagai pembantu. Mereka tidak boleh bertindak sebagai petugas sepenuhnya kerana sebagai pelajar meraka kurang digeruni oleh pelajar-pelajar yang lain. Guru atau petugas dewasa yang dilantik oleh sekolah tentulah lebih mempunyai autoriti ke atas pelajar dan dapat mengawasai pelajar dengan lebih baik. Pengawasan adalah penting dalam pelaksanaan sesuatu aktiviti agar program yang dilaksanakan dipatuhi sepenuhnya oleh para pesertanya.

## (ii) Kurang Tumpuan Kepada Program Pendidikan Kepimpinan

Usaha-usaha *di'āyah*<sup>136</sup> jika tidak diiringi dengan *takwīn*<sup>137</sup> berkemungkinan menyebabkan segala usaha yang telah dikorbankan ketika penyampaian kefahaman Islam secara umum menjadi sia-sia dan hilang begitu sahaja.<sup>138</sup> Berdasarkan penelitian terhadap program-program pendidikan di MATRI sehingga akhir tahun 2003, didapati ia lebih bersifat penyampaian kefahaman,

• <sup>136</sup> Penerangan dan memperkenalkan kefahaman Islam secara umum.

<sup>137</sup> Pembentukan atau pembinaan pendokong.

<sup>138</sup> Mustafa Masyhur (1985), *Jalan Dukwah*. Op.cit., h. 26

kesedaran dan penanaman akhlak Islam secara umum. Walaupun MATRI telah berjaya menghasilkan pelajar-pelajar yang memiliki sahsiah dan akhlak yang dipuji oleh masyarakat sekitar, namun didapati aspek kepimpinan masih lagi belum mendapat perhatian yang serius daripada pengurusan MATRI.<sup>139</sup>

Berdasarkan "Buku Panduan Guru MATRI Tahun 2003" Program latihan Pengawas Sekolah hanya dirangka dua kali bagi tahun 2003 iaitu Kem Pengawas pada 25-26 Januari 2003 dan Kursus Pengawas pada 19-20 April 2003.<sup>140</sup> Tidak ada satu badan khas yang berfungsi sebagai pemikir dan pelaksana yang bertindak dalam *research and development* dalam kepimpinan pelajar. Tidak berjalannya program Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) putera pada tahun 2003 juga memperlihatkan tidak ketidakseriusan dalam hal ini.

Menurut soal selidik yang dikemukakan kepada 11 orang bekas Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) yang masih menuntut di MATRI (kini dalam tingkatan lima), kesemua mereka berpendapat bahawa program ini perlu diteruskan kerana ia dapat membantu dalam membentuk sifat kepimpinan dan memberikan kesedaran tentang tanggung jawab sebagai bakal *dā'i*.<sup>141</sup> Penanaman kefahaman Islam secara umum tanpa diberi peluang yang optimum untuk menggilap potensi kepimpinan mereka boleh menimbulkan rasa jemu di kalangan kumpulan pelajar yang berpotensi ini.

<sup>139</sup> Analisa ini adalah berdasarkan kajian yang dibuat sehingga bulan November 2003. Sejak sesi baru persekolahan baru 2004 bermula, Unit Tugas-tugas Khas telah mula mengambil langkah yang positif dalam pendidikan kepimpinan dengan mengadakan Kursus Kepimpinan Pelajar Siri Pertama pada 23 hingga 25 Februari 2004 di Kem Rekreasi dan Motivasi Wang Mu. Kursus ini disertai oleh

• 80 orang Pembimbing Rakan Sebaya (PRS)

<sup>140</sup> "Buku Panduan Guru MATRI Tahun 2003", h.18-19

<sup>141</sup> Soal selidik ini dibuat di kalangan pelajar tingkatan lima, *op.cit.*

kerana tidak ada suatu *target* yang tinggi untuk mereka capai. Di samping itu dengan adanya program Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) ini, ia dapat membina kesedaran di kalangan mereka tentang rasa tanggung jawab untuk mengambil berat terhadap perkembangan sahsiah dan akhlak pelajar-pelajar yang lebih muda.<sup>142</sup>

Oleh sebab sekolah agama merupakan tempat melahirkan para *dā'i* dan *murabbī* yang akan menjadi rujukan masyarakat maka program kepimpinan yang serius perlu dirangka kerana kepimpinan melibatkan ketokohan, harapan yang dipimpin, jenis latihan yang diperolehi dan matlamat yang hendak dicapai. Sumbangan faktor keturunan dalam pembinaan karisma hanyalah 10 peratus sahaja. Watak kepimpinan dan kepemimpinan seseorang boleh dibentuk atau dicorakkan<sup>143</sup> dan tidak ada manusia biasa yang serta merta atau secara tiba-tiba memiliki semua ciri kepimpinan tanpa melalui kursus, latihan, seminar dan pelbagai pendedahan.<sup>144</sup>

## **(ii) Penekanan yang Lebih Kepada Pendidikan Akademik dan Kokurikulum**

Mudir MATRI, Tuan Haji Dahlan bin Mohd. Zain dalam jawapannya kepada dua orang waris pelajar yang meminta MATRI mengutamakan pendidikan sahsiah lebih daripada akademik, menegaskan bahawa dasar MATRI adalah memberikan

<sup>142</sup> Maklumat ini diperolehi melalui temubual dengan tujuh orang pelajar *Marhalah Khassah* MATRI dan seorang bekas pelajar MATRI yang dijalankan secara serentak pada 17 Ogos 2003 pukul 9.30 malam di Surau MATRI. Mereka ialah; Abu Ubaidah bin Musa, Mohd. Suheil bin Rubani, Mohd. Shafiq bin Che' Ani (kesemua adalah pelajar *Marhalah Khassah II*), Zubair bin Othman dan Ali Hanifah bin Annuar (pelajar *Marhalah Khassah I*) dan Wan Mohd.Nahar bin Othman, bekas pelajar MATRI yang kini sedang menuntut di salah sebuah IPTS yang juga merupakan bekas pelajar *Marhalah Khassah*. Kesemua mereka adalah bekas PRS.

<sup>143</sup> Robiah Kulop Hamzah, *op.cit.*, h.3-4

<sup>144</sup> *Ibid*, h.15

penekanan yang seimbang kepada pendidikan akademik dan pendidikan sahsiah kerana kedua-duanya merupakan tuntutan Islam. Pengabaian salah satu daripadanya akan membawa fitnah kepada Islam.<sup>145</sup>

Walaubagaimanapun berdasarkan pemerhatian dan pergaularan dengan warga MATRI, terdapat kecenderungan untuk memberi penekanan yang lebih terhadap pendidikan akademik dan kegiatan kokurikulum. Trend ini jika berterusan, akan menjadikan pendidikan akademik sebagai matlamat utama dan pendidikan sahsiah pelajar akan menjadi perkara yang bersifat sekunder. Perubahan syiar MATRI daripada “Ulamak Pewaris Nabi” kepada “Pembangunan Insan Melalui Pendidikan Terancang” pada tahun 2003<sup>146</sup> boleh membenarkan kenyataan ini. Dengan keputusan PMR, SPM dan STAM yang cemerlang, MATRI telah mendapat sanjungan masyarakat. Ini telah memberikan momentum kepada guru-guru MATRI untuk bekerja lebih keras dalam meningkatkan prestasi . Hal ini dapat dilihat kepada kelas-kelas tambahan yang kerap diadakan kepada para pelajar khasnya pelajar-pelajar tingkatan tiga dan lima. Berbeza pula dengan program pendidikan (tarbiah) yang di jalankan di surau, ia kurang diawasi oleh guru-guru.

Satu lagi perkara yang membenarkan kenyataan ini ialah aktiviti dalam takwim MATRI 2003 lebih menampakkan kecergasan dalam aktiviti kurikulum dan kokurikulum berbanding dengan aktiviti pendidikan.<sup>147</sup> MATRI telah berjaya

<sup>145</sup> Penjelasan beliau dalam majlis dialog semasa Hari Keluarga dan Kecemerlangan MATRI 2003 pada 5 Julai 2003 di Surau MATRI.

<sup>146</sup> "Buku Cenderamata Hari Keluarga dan Kecemerlangan MATRI 2003", h. 20

<sup>147</sup> Takwim MATRI 2002 disertakan dalam lampiran I dan takwim 2003 dalam lampiran J

menganjurkan hari kokurikulum pada 6 Julai 2002 dan 1 Mei 2003 serta Hari Kecemerlangan MATRI pada 5 Julai 2003 tetapi tidak mengadakan hari untuk ibu bapa melihat pencapaian anak-anak mereka dalam aspek pendidikan sahsiah atau tarbiah.

Dalam membuat penilaian lanjut terhadap masalah ini penulis perturunkan matlamat penubuhan MATRI yang jelas menunjukkan bahawa ia menjadikan pendidikan Islam atau tarbiah sebagai tunjang yang mendasari dan merentasi segala aktiviti di MATRI:

- (i) Memberikan pendidikan Islam secara meluas dan teratur kepada pelajar-pelajarnya.
- (ii) Memberi pengetahuan Bahasa Arab hingga ke peringkat membolehkan pelajar-pelajar memahami kandungan kitab suci al-Quran dan al-Sunnah al-Nabawiyah dan kitab-kitab ilmu berbahasa Arab.
- (iii) Mendidik pelajar-pelajar MATRI dengan didikan Islam yang sempurna dan menyeluruh melalui proses pendidikan yang disediakan.
- (iv) Melahirkan muslim dan muslimah yang *multazim* (komited) dengan ajaran akhlak Islam dalam kehidupan harian mereka.
- (v) Melaksana dan meneruskan kerja-kerja Islam yang diamanahkan oleh Allah s.w.t<sup>148</sup>.

---

<sup>148</sup> "Buku Cenderamata Hari Keluarga dan Kecemerlangan MATRI 2003", h. 20.

Jika diteliti kepada matlamat di atas, jelas memperlihatkan trend pendidikan yang ada sekarang telah agak menyimpang daripada matlamat sebenar penubuhan MATRI. Dalam hal ini perlu dibezakan antara urusan *kulliyah* dan urusan *juz'iyyah*. Urusan *kulliyah* ialah urusan Islam iaitu mengembalikan semula muslim kepada Islam yang sahih. Apabila diberikan sepenuh perhatian kepada urusan *juz'iyyah*, tindakan itu terpesong daripada usaha asasi yang sangat diperlukan dalam realiti hari ini iaitu mempersiapkan dasar yang kukuh bagi generasi yang beriman. Masalah ini menghendaki agar diberikan sebahagian waktu untuk urusan *juz'iyyah* disamping usaha yang bersungguh dalam urusan *kulliyah*.<sup>149</sup>

#### 4.4.3 Peluang

Terdapat beberapa elemen dari luar MATRI yang boleh dimanfaatkan untuk membantu pendidikan di MATRI, antaranya ialah:

##### (i) Ibu bapa

Ibu bapa yang menghantar anak belajar di MATRI berhasrat agar anak-anak mereka mendapat pendidikan atau tarbiah yang baik. Jika untuk semata-mata mendapat keputusan akademik yang tinggi tentulah mereka akan menghantar ke sekolah biasa yang mempunyai prasarana yang lebih baik. Di samping itu mereka juga sanggup memberikan sumbangan tenaga secara sukarela kepada pihak

<sup>149</sup> Mustafa Masyhur (1985), *Jalan Dakwah*. Op.cit., h. 172.

MATRI.<sup>150</sup> Harapan ibu bapa terhadap pendidikan (tarbiah) di MATRI jelas dilihat dengan kesanggupan membayar yuran bulanan sebanyak RM170.00 setiap bulan dan yuran-yuran tambahan yang lain. Kepercayaan yang diberikan oleh ibu bapa kepada pihak sekolah harus dimanfaatkan sepenuhnya untuk menjalankan tanggungjawab terhadap *dīn al-Islām* iaitu melahirkan insan yang ber‘ubudiyyah kepada Allah s.w.t. Kesediaan mereka untuk menyumbangkan tenaga dan kepakaran bagi membantu pihak MATRI dalam proses tarbiah dan pendidikan adalah peluang yang harus dimanfaatkan sepenuhnya.

#### **(ii) Penghormatan Masyarakat**

Ketokohan guru, keputusan akademik dan akhlak pelajar yang baik telah menyebabkan MATRI mendapat penghormatan di Perlis. Saban tahun ramai ibu bapa yang memohon untuk anak-anak mereka di sekolahkan di MATRI. Oleh sebab kekurangan tempat, banyak permohonan terpaksa ditolak.

Di samping itu beberapa orang guru MATRI telah menjadi tokoh yang terkenal di negeri Perlis. Mudirnya Tuan Haji Dahlan bin Mohd. Zain dan Timbalan Mudirnya, Tuan Haji Omar bin Salleh adalah ahli Majlis Fatwa Negeri Perlis dan kedua-duanya pernah dianugerahkan Tokoh Ma‘al Hijrah Negeri Perlis. Di samping mereka berdua, Penolong Kanan (Tugas-tugsa Khas), Tuan Haji Abdul

<sup>150</sup> Ucapan dan soalan daripada beberapa orang ibu bapa dalam majlis dialog antara ibu bapa dengan pentadbir MATRI semasa Hari Ibu bapa dan Kokurikulum MATRI 2002 pada 6 Julai 2002 dan Hari Kecemerlangan MATRI 2003 pada 5 Julai 2003. Hal yang sama diakui oleh Penolong Kanan (Tugas-tugsa Khas) MATRI ketika menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dalam majlis berkenaan pada 5 Julai 2003.

Hadi bin Osman dan guru Tahfiznya Ustaz Rosli bin Ismail juga menerima jemputan untuk memberikan kuliah, dan ceramah di masjid-masjid dan program-program keagamaan di negeri Perlis.

Situasi begini merupakan peluang yang baik bagi pelaksanaan pendidikan di MATRI. Penghormatan yang diperolehi daripada masyarakat telah memberikan keyakinan kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka belajar di MATRI. Jika situasi ini berterusan, MATRI tidak akan menghadapi masalah bagi mendapatkan permohonan pelajar baru setiap tahun .

### **(iii) Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Pihak Swasta**

Terdapat pihak-pihak tertentu yang mempunyai peruntukan bagi menjalankan program pendidikan untuk masyarakat. Antaranya ialah :

- (i) Jabatan Hal Ehwal Agama Islam yang mempunyai unit pendidikan dan ia mempunyai peruntukan kewangan bagi aktiviti pendidikan Islam untuk remaja atau pelajar sekolah.<sup>151</sup>
- (ii) Jabatan Pertanian juga mempunyai peruntukan untuk program kemahiran dalam bentuk kursus singkat dalam bidang tanaman bagi pelajar sekolah.<sup>152</sup>

<sup>151</sup> Maklumat ini diperolehi daripada Tuan Haji Hamzah bin Hashim, seorang pegawai di Jabatan Hal Agama Islam Wilayah Persekutuan yang berpejabat di Putra Jaya melalui perbualan dengan beliau ketika penulis menginap sebilik dengannya di hotel Shurfa, Madinah al-Munawwarah semasa penulis menuaikan fardhu Haji antara 5-11 Januari 2003.

<sup>152</sup> Maklumat ini diperolehi daripada sahabat penulis En.Zakaria bin Ahmad yang bertugas sebagai Pegawai Pertanian di Jabatan Pertanian Negeri Perlis.

- (iii) Jabatan Perhilitan juga mempunyai peruntukan untuk program pendidikan alam sekitar.<sup>153</sup>
- (iv) ANGKASA mempunyai peruntukan untuk memberikan latihan kepada ahli-ahli koperasi sekolah.
- (v) Pasukan Bomba dan Penyelamat yang memberikan latihan kepada ahli Kadet Bomba dan Penyelamat.

Peluang-peluang pendidikan yang diberikan oleh pihak dari luar MATRI perlu dikenalpasti dan dimanfaatkan kerana ia dapat menjadi pelengkap kepada pendidikan di MATRI.

#### **4.4.4. Ancaman.**

Remaja hari ini menghadapi ancaman yang besar daripada persekitaran mereka. Pelajar-pelajar MATRI juga tidak terlepas daripada ancaman ini, antaranya ialah:

##### **(i) Kemaraan Gejala Sosial**

Semakin maju dan meningkat pembangunan dalam masyarakat, semakin banyak masalah remaja. Hampir semua jenis masalah remaja bertambah seiring dengan

---

<sup>153</sup> Maklumat ini diperolehi daripada perbualan penulis dengan Pengarah Jabatan Perhilitan Negeri Perlis ketika penulis bertugas dalam Kursus Pengawas dan Kursus Motivasi Pelajar Islam bagi pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Perlis (sekolah tempat penulis bertugas) dalam tahun 2002.

pesatnya perkembangan industrialisasi dan urbanisasi.<sup>154</sup> Pelajar-pelajar sekolah agama juga tidak terlepas daripada terdedah kepada bahang masalah atau gejala sosial yang semakin meluas dalam masyarakat kini kerana mereka juga adalah sebahagian daripada anggota masyarakat. Perkembangan-perkembangan negatif dalam masyarakat boleh mempengaruhi mereka yang tidak mempunyai ketahanan diri.

Bagi pelajar-pelajar MATRI, mereka terdedah kepada ancaman ini ketika mereka pulang bercuti<sup>155</sup> dan ketika *outing*.<sup>156</sup> Satu usaha yang baik yang telah dilakukan oleh pihak sekolah ialah hari untuk pelajar pulang ke rumah dan *outing* tidak sama bagi pelajar putera dengan pelajar puteri. Walaubagaimanapun, seperti pelajar-pelajar di sekolah yang lain, mereka juga terdedah kepada suasana negatif dalam masyarakat seperti rancangan televisyen yang mengandungi unsur-unsur yang tidak sopan, lagu-lagu pop yang boleh di dengari daripada radio dan kaset-kaset, *chatting* melalui internet<sup>157</sup>, penjualan kaset, vcd, majalah dan buku yang mempunyai unsur-unsur yang tidak sopan dan sebaginya. Perkara-perkara ini jika

<sup>154</sup> Ibrahim Mamat (1997), *op.cit.*, h. 23

<sup>155</sup> Pelajar MATRI yang tinggal di asrama dibenarkan pulang ke rumah sebulan sekali dan semasa cuti penggal persekolahan (Hampir semua pelajar MATRI menginap di asrama sekolah)

<sup>156</sup> Pelajar MATRI yang tinggal di asrama dibenarkan keluar kawasan sekolah untuk membeli barang-barang keperluan, berurus dengan bank dan sebagainya setiap dua minggu sekali.

<sup>157</sup> Kehadiran kafe-kafe komputer telah memudahkan pelajar-pelajar sekolah menggunakan internet walaupun mereka tidak mempunyai komputer di rumah atau di sekolah. Bukanlah *chatting* itu tidak baik keseluruhannya, tetapi berdasarkan tinjauan dan penglibatan sepanjang tahun 2003 di ruang *chatting* mIRC remaja begitu mudah terdedah kepada unsur-unsur negatif seperti unsur seks. Maklumat yang berunsur lucah, umpamanya, boleh diberikan dengan mudah melalui ruang *chatting* ini. Ini ditambahkan lagi dengan adanya *channel* seperti sex, klsex, uitmsex, jbsex dan sebagainya. Remaja yang mempunyai sifat ingin tahu yang kuat dan yang tidak mempunyai daya tahan dan disiplin diri akan mudah terpengaruh dengan gejala-gejala tersebut. Remaja yang menggunakan ruang *chatting* : sepatutnya diawasi oleh penjaga atau orang dewasa yang bertanggungjawab. Oleh sebab *chatting* sudah menjadi semakin lumrah dikalangan remaja, ibu bapa dan guru perlu sentiasa memberikan nasihat agar mereka menggunakan ruang *chatting* untuk tujuan yang tidak bersalah dengan susila keislaman

tidak diawasi akan memberikan kesan yang negatif kepada minda dan sahsiah pelajar. Untuk mengurangkan ancaman ini, ada baiknya MATRI, melalui koperasinya menyedaikan barang keperluan yang mencukupi di koperasi sekolah agar dapat dikurangkan kekerapan *outing* kerana ketika *outing* itu pelajar-pelajar keluar kawasan sekolah tanpa pengawasan guru ataupun penjaga mereka.

#### **4.5 Kesimpulan Kajian**

Sebagai kesimpulannya penulis merumuskan beberapa perkara penting berdasarkan kajian yang telah dibuat iaitu:

##### **4.5.1 Pelaksanaan Pendidikan di MATRI Berjalan dalam Dua Peringkat:**

Jika diteliti, proses pelaksanaan pendidikan di MATRI boleh dibahagikan kepada dua peringkat iaitu:

###### **i. Peringkat Persediaan**

Peringkat ini adalah era prapenubuhan MATRI iaitu ketika pengajian di Surau Tanjong Gorah, Repoh, Perlis. Era ini adalah peringkat mendidik pendidik, mengumpulkan buah fikiran dan dana untuk membangunkan MATRI.<sup>158</sup> Peringkat ini adalah penting kerana tanpanya MATRI tidak akan mendapat bekalan tenaga

---

<sup>158</sup> Temubual dengan Mudir MATRI, Tuan Haji Dahlani bin Mohd. Zain pada 21 September 2003, *op.cit.*

pendidik yang faham dan mencukupi untuk menjalankan aktiviti pendidikan. Tanpa peringkat ini juga MATRI tidak akan mendapat sumbang saran idea dan sumbangan dana yang diperlukan bagi pembinaannya. Pengalaman dan tautan *ukhuwwah* yang diperolehi pada peringkat ini dapat mempermudahkan pelaksanaan pendidikan terhadap pelajar setelah penubuhan MATRI.

## **ii. Peringkat Pelaksanaan**

Peringkat ini bermula dengan usaha pemugaran kebun getah di Kampung Tunjung Dalam, Beseri dan pembinaan blok surau MATRI hingga hal bangunan yang ada sekarang serta pengisian pendidikan di dalamnya. Ia dapat dilaksanakan dengan teratur kerana telah ada persediaan yang rapi sebelum pembinaannya.

### **4.5.2 Guru-guru MATRI Menerima Tugas Mendidik Sebagai Amanah**

Pentadbir dan guru-guru MATRI bersedia memikul tugas mendidik pelajar dengan penuh amanah; amanah daripada Allah s.w.t. dan amanah daripada ibu bapa dan waris pelajar yang telah menghantar anak-anak mereka untuk diasuh dan dididik dengan pendidikan Islam yang sempurna. Kesedaran terhadap amanah tersebut telah mendorong guru-guru MATRI menjalankan tugas sebagai suatu pengorbanan untuk menjamin kesinambungan penghayatan Islam.

#### **4.5.3 MATRI Telah Menyediakan *Bī'ah Sāliḥah* atau Persekutaran yang Baik**

MATRI telah berjaya menyediakan *bī'ah sāliḥah* atau persekitaran yang baik bagi pelajarnya. Persekutaran yang baik ini menjadi pemangkin<sup>159</sup> kepada pembentukan sahsiah pelajar melalui kepelbagaian aktiviti pendidikannya dan aktiviti-aktiviti itu pula dijalankan secara berterusan. Persekutaran atau enviromen yang baik ini secara sedikit demi sedikit telah mempengaruhi pembentukan sahsiah atau watak pelajar. Sifat-sifat baik yang ada pada pelajarnya telah mendapat pujian masyarakat sekitar.

#### **4.5.4 Program Pendidikan di MATRI Dipelbagaikan dan Berterusan**

Program Pendidikan di MATRI boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu program yang bersifat umum dan yang bersifat khusus. Program pendidikan yang bersifat umum dilaksanakan secara pelbagai yang mencakupi hampir kesemua fakulti insan seperti yang penulis rumuskan dalam perkara 4.4.1 (vii).

Program pendidikan yang bersifat khusus adalah program kepimpinan. Dalam hal ini program yang agak terancang adalah program Pengawas dan program Pembimbing Rakan Sebaya (PRS). Walaubagaimanapun terdapat sedikit kelemahan dalam program kepimpinan kerana program PRS pelajar putera tidak berjalan pada tahun 2003. Di sampaing itu pula, tidak terdapat sekumpulan khas

<sup>159</sup> faktor atau unsur yang mempercepatkan sesuatu proses. Lihat *Kamus Dewan, op.cit.* h. 856

guru-guru yang berfungsi sebagai satu *team* atau pasukan yang merancang dan melaksanakan (*research and development*) program-program kepimpinan.<sup>160</sup>

#### **4.5.5 Program Pendidikan di MATRI Menekankan Perkara Asas**

Pelaksanaan pendidikan di MATRI menekankan perkara-perkara asas iaitu pembinaan sahsiah pelajar muslim yang menekankan kepada penyemaian iman yang mendalam, kefahaman Islam yang betul dan pembinaan akhlak yang terpuji. Pendidikan iman dilihat sebagai aspek yang paling penting kerana keimanan yang mendalam akan menjadi *maṣdar asāsi* atau sumber utama yang akan menjadi pendorong kepada lahirnya amal-amal yang baik. Keimanan yang mendalam dan kefahaman Islam yang betul akan menjadi garis panduan kepada tindak-tanduk yang betul agar ia selari dengan ajaran Islam.<sup>161</sup>

#### **4.5.6 MATRI Telah Memanfaatkan Kekuatan dan Peluang**

MATRI telah memanfaatkan kekuatan dalamannya dan peluang yang ada di sekitarnya seperti semangat pengorbanan guru-guru MATRI, matlamat penubuhan dan *manhāj* yang jelas, tenaga sokongan dari luar seperti pelajar lepasan MATRI

<sup>160</sup> Rumusan ini dibuat berdasarkan kajian sehingga bulan November 2003. Ia tidak mengambil kira perkembangan pendidikan pada tahun 2004. Walaubagaimanapun untuk bersikap adil, penulis mengambil kesempatan untuk menjelaskan tentang perkembangan pada awal tahun 2004. Mengikut perancangan MATRI, pada tahun 2004 ini akan diadakan empat siri kursus kepimpinan pelajar dan 18 siri program pendidikan (tarbiah). Satu jawatankuasa yang terdiri daripada beberapa orang guru yang menjalankan perancangan dan pelaksanaan program-program pendidikan dan kepimpinan, baru diwujudkan dalam bulan Januari 2004. Maklumat ini diperolehi daripada En. Azmi bin Bahari,

• Guru Koperasi MATRI dan Kem Komandan Program Kepimpinan Pelajar Siri Pertama pada 29 Februari 2004, jam 6.00 petang di pejabat Koperasi MATRI.

<sup>161</sup> Temubual dengan Mudir MATRI, Tuan Haji Dahlan bin Mohd.Zain pada 21 September, *op.cit.*

khlasnya yang menjadi ahli Persatuan Lepasan MATRI (PLM), ibu bapa dan organisasi kerajaan dan swasta. Walaubagaimanapun MATRI harus bergerak lebih proaktif untuk menguruskan dengan lebih efisyen kekuatan dan peluang tersebut agar kewujudan kekuatan dan peluang tersebut tidak disia-siakan.

#### **4.5.7 Beberapa Kelemahan dalam Pelaksanaan Pendidikan di MATRI**

Manusia tidak sunyi daripada kelemahan. Kelemahan yang terdapat pada pelaksanaan pendidikan di MATRI adalah seperti kurang pengawasan guru terhadap program-program di surau dan masalah tumpuan yang lebih terhadap pendidikan akademik dan kokurikulum berbanding dengan pendidikan Islam . Di samping itu terdapat kelemahan dalam pengurusan program kepimpinan pelajar khasnya pada tahun 2003. Lebih tumpuan diberikan kepada pendidikan akademik berpunca daripada pengaruh masyarakat yang sememangnya amat menitikberatkan kejayaan akademik berbanding akhlak pelajar. Di samping itu Jawatankuasa Akademik telah bergerak lebih aktif berbanding Jawata kuasa Dakwah dan Tarbiah. Ini menjadikan pelaksanaan pendidikan akademik dan pendidikan sahsiah pelajar tidak seimbang.

Sebagai penutup, penulis merumuskan bahawa MATRI telah berjaya melaksanakan pendidikan terhadap pelajarnya secara berterusan dan dalam bentuk yang pelbagai sejajar dengan tuntutan pendidikan Islam iaitu tujuan keagamaan; beramat untuk akhirat sehingga ia menemui Penciptannya dalam keadaan ia

menunaikan hakNya yang diwajibkan ke atasnya dan tujuan ilmiah-keduniaan; persiapan untuk hidup dengan sejahtera di atas muka bumi.<sup>162</sup>

---

<sup>162</sup> Abdul Halim bin Hj.Mat Diah (1987), *op.cit.* h.55